


Jilid II
Bil. 27



Hari Khamis
6hb Januari, 1977

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
SENATE

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 2409]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan)
[Ruangan 2435]

Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Perusahaan Haiwan Negara
(Pindaan) [Ruangan 2455]

MALAYSIA

PARLIMEN KEEMPAT—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N., S.P.M.S., D.P.M.S. (Dilantik).
- „
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Perak).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Dilantik).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI S. O. K. UBAIDULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK ABDUL AZIZ BIN TAPA, D.K.S.J., A.M.N., P.J.K. (Melaka).
- „ GENERAL TAN SRI ABDUL HAMID BIN BIDIN (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K. (Negeri Sembilan).
- „ DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Dilantik).
- „ TUAN V. V. ABOO, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Kelantan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR TITINGAN BIN DAMSANI, S.P.D.K., P.G.D.K., A.D.K., A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N. (Johor).
- „ TUAN AHMAD AZIZUDDIN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN (Dilantik).
- „ DATUK CHAN KWONG HON, D.P.M.S., J.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ DATUK J. E. S. CRAWFORD, D.P.M.P., S.P.M.P., J.M.N., J.P., Datuk Kurnia Indera (Dilantik).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, A.M.N., P.I.S. (Dilantik).
- „ TUAN T. S. GABRIEL (Dilantik).
- „ DATUK SERI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, S.P.M.P., D.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).

- Yang Berhormat TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).
- „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).
- „ DATUK LEE LOY SENG, D.P.M.P., J.P. (Perak).
- „ DR LIM AH SITT, P.I.S. (Johor).
- „ TAN SRI LIM CHING WAH, P.S.M., S.P.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ DR LIM KENG YAIK (Dilantik).
- „ TUAN M. MAHALINGAM (Dilantik).
- „ DATUK MANSOR BIN MOHAMAD, D.P.M.T., A.M.N. (Trengganu).
- „ TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB, P.M.K. (Kelantan).
- „ TAN SRI MOHAMED NOOR TAHIR (T.H.) TAN, P.M.N., J.M.N., C.W.E. (Dilantik).
- „ DATUK MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK NGAU KEN LOCK, J.M.N., S.M.P., P.J.K., J.P., Datuk Kurnia Panglima Raja (Pahang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, D.J.M.K., J.M.N., P.M.K. (Dilantik).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK V. PONNUSAMY PILLAI, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ RAJA DATUK NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., P.I.K. (Selangor).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., S.M.K., S.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSEIN, A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- „ DATUK SYED KECHIK BIN SYED MOHAMAD, P.G.D.K. (Sabah).
- „ TUAN SYED OMAR BIN SYED HUSSAIN, S.M.P., A.M.N. (Perlis).
- „ TUAN TING MING HIA (Sarawak).
- „ PUAN HAJAH CIK TOM SAUDAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).
- „ TUAN S. M. VELLAYAPPA, S.D.K., A.M.N., J.P. (Kedah).
- „ DATUK WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).
- „ DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.P.M.K., A.K., Datuk Kaya Pati (Dilantik).
- „ PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara : Lim Joo Keng.

Timbalan Setiausaha : Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha : Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha : Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting : Yahya Manap.

Penolong Penyunting : P. B. Menon.

Penolong Penyunting : Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Khamis, 6hb Januari, 1977

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA	Jabatan	Bil. Pegawai
(Tuan Yang di-Pertua <i>mempengerusikan Mesyuarat</i>)	Jabatan Perikanan	4
	Jabatan Haiwan	1
JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN	Jabatan Kesihatan	83
	Jabatan Perancang Bandar ..	1
	JUMLAH ..	129

**PEGAWAI KERAJAAN
PERSEKUTUAN DI TRENGGANU**

1. Puan Zawiah binti Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan setakat ini berapa ramai Pegawai-pegawai Tinggi yang cekap dari Kerajaan Pusat yang telah dihantar ke Trengganu mengikut jabatan-jabatan bagi menampung kekurangan pegawai yang mahir bagi menjayakan Rancangan Malaysia Ketiga yang seringkali dijanji oleh beliau.

Menteri Tak Berpotfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, soalan Ahli Yang Berhormat itu adalah terlalu umum. Mungkin yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah mengenai bilangan pegawai-pegawai Bahagian I atau pegawai-pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Iktisas. Bagaimanapun, secara amnya, jumlah pegawai-pegawai Kerajaan Persekutuan yang bertugas di Negeri Trengganu pada masa ini ialah seramai 129 orang. Bilangan mereka mengikut Jabatan adalah seperti berikut:

Jabatan	Bil. Pegawai
Jabatan Kerjaraya	16
Perbadanan Ekonomi Negeri Trengganu	2
Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah	2
Jabatan Parit dan Taliair ..	7
Jabatan Pertanian	13

Kesemua pegawai-pegawai itu adalah terlibat secara langsung dalam menjayakan Rancangan Malaysia Ketiga di Negeri Trengganu.

PERUMAHAN AWAM KOS RENDAH

2. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan menyatakan di manakah rancangan-rancangan perumahan harga murah akan diadakan oleh Kementerian ini bagi golongan rakyat yang berpendapatan rendah.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan (Datuk Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, projek perumahan awam kos rendah untuk golongan berpendapatan rendah sedang dan akan dilaksanakan di seluruh negara, di bandar-bandar dan di luar bandar. Oleh kerana bilangan projek yang terlibat adalah banyak untuk dinyatakan satu-persatu, dan lagi keputusan muktamad mengenai sebahagian daripadanya adalah tertakluk kepada soal tapak tanah, keupayaan dan keutamaan kerajaan-kerajaan negeri yang berkenaan, maka tidaklah dapat saya huraikan satu persatunya. Walau bagaimanapun untuk maklumat Yang Berhormat, bilangan yunit

perumahan yang diharap akan dapat dibina tempoh Rancangan Malaysia Ketiga ini ialah seperti berikut:

	<i>Yunit</i>
1. Perlis	1,809
2. Kedah	6,966
3. Pulau Pinang	4,592
4. Perak	3,272
5. Selangor	5,850
6. Wilayah Persekutuan ..	13,747
7. Negeri Sembilan ..	2,423
8. Melaka	2,275
9. Johor	7,445
10. Pahang	3,770
11. Trengganu	1,835
12. Kelantan	1,497
13. Sabah	1,840
14. Sarawak	3,500
JUMLAH ..	60,821

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya telah dengar lebih dari 60,000 yunit rumah akan didirikan oleh Kerajaan. Ini menyedapkan telinga rakyat kerana banyak rumah-rumah akan didirikan. Apa yang saya hendak bertanya ialah mengenai harga tanah Kerajaan iaitu di Kuala Lumpur ini lebih kurang \$3 sekaki. Dengan sebab itu, harga tanah ini bolehkah dapat 30 sen atau 40 sen sekaki oleh kerana tanah Kerajaan boleh diturunkan harganya sampai 20-30 sen sekaki. Oleh itu, bolehkah Kementerian yang bertanggungjawab berunding dengan tiap-tiap Kerajaan Negeri supaya harga rumah itu murah dibuat dari papan atau bahan-bahan dan tanah yang murah supaya dapatlah rakyat betul-betul menikmati kemerdekaan negara ini.

Datuk Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu adalah dimaklumkan bahawa Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan ada 3 konsep: pertama berkenaan dengan kewangan, kedua tanah dan ketiga construction capacity iaitu juru-teknik dan sebagainya.

Soalan Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan kos rumah dan dasar Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan

ialah tidak lebih dari \$7,500 satu yunit yang dibuat oleh pihak Kerajaan dan Kerajaan-bagi pihak Kementerian dan Kerajaan-kerajaan Negeri akan bekerjasama sebagaimana yang telah diumumkan di Dewan yang mulia ini sebanyak 60,000 yunit yang hendak dilaksanakan.

Mengenai dengan harga tanah yang dikatakan mahal itu, Kerajaan-kerajaan Negeri ada mempunyai State Land dan State Land itu kita tidak masukkan dengan harga tanah. Kita cuma berkehendakkan menolong orang-orang berpendapatan rendah yang berhajat kepada rumah. Jadi kita katakan dalam dasar kita membangunkan rumah itu dalam public sector tidak lebih dari harga \$7,500. Itu yang telah diarahkan. Kalau mereka hendak adakan infrastruktur dan harga tanah itu mahal, adalah ditanggung oleh pihak Kerajaan Negeri—itu dasarnya. Kalau ada wang, Kerajaan Negeri boleh membina rumah-rumah itu.

Dr Lim Keng Yaik: Tadi saya telah dengar jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan menyatakan jumlah perumahan di Pulau Pinang 4,500 lebih dan di Perak 3,700 lebih sahaja. Mengapakah negeri Perak sebuah negeri yang besar sekali dan penduduknya banyak tetapi kurang benar jumlah yunit rumah di dalam Rancangan Malaysia Ketiga?

Datuk Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, bilangan rumah di Perak dan di Pulau Pinang sebenarnya kita minta daripada Kerajaan-kerajaan Negeri dan Kerajaan Negeri telahpun menyediakan projek-projek itu. Jadi, sungguhpun negeri Perak itu negeri yang besar tetapi rancangan perumahan kita dalam public sector iaitu pihak Kerajaan kita tidak dapatlah kalau sekiranya kita tidak ada tempat terutamanya kesulitan Kerajaan Negeri ialah tanah. Kalau kita kira private sector dalam sesebuah negeri itu membuat begitu banyak rumah lebih daripada public sector. Oleh itu, rumah yang dibuat oleh public sector untuk golongan yang berpendapatan rendah, rumah yang dibuat untuk pendapatan penengahan (middle income group and higher income group) dibuat oleh swasta. Pihak swasta di Ipoh saya rasa adalah banyak buat rumah, tetapi yang kita buat ini ialah rancangan yang disusun oleh Kerajaan Negeri dan kita sentiasa berunding dengan Kerajaan Negeri, kadang-kadang kita berunding dengan

SEDC atau Lembaga Perumahan Negeri yang ada Lembaga Perumahan umpama di Sabah dan Sarawak dan juga kadang-kadang kita panggil khas sesebuah negeri merundingkan cara mana membanyakkan rumah sebagaimana yang dikehendaki oleh Yang Berhormat itu.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Saya buat soalan tambahan ini bentuk lain. Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi telah mengatakan bahawa Negeri Johor akan dibuat 7,000 lebih yunit rumah, saya ucapkan terima kasih dan perkara ini patut dilaksanakan. Yang saya hendak soal siapakah yang berhak mendapat rumah yang 7,000 yunit itu? Kata Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk mereka yang berpendapatan rendah, pendapatan rendah ini umum samada kakitangan Kerajaankah yang hendak diberi ataupun orang awam yang berpendapatan rendah.

Datuk Haji Ramli bin Omar: Untuk makluman Ahli yang Berhormat, mereka yang berpendapatan rendah, rancangan rumah yang dilaksanakan oleh Kementerian Perumahan adalah mereka yang berpendapatan tidak lebih daripada \$450 sebulan, itu rumah kos rendah. Yang keduanya, dia tidak mempunyai tanah dan yang ketiganya dia tidak mempunyai tanah dan rumah. Tentang dasar-dasar telah beberapa kali diberi tahu dalam Dewan yang mulai ini; itulah bentuknya dan terserahlah kepada Kerajaan Negeri membuat dasar-dasarnya. Di samping itu pula mereka yang hendak mendapatkan rumah kos rendah adalah dalam persetujuan Kerajaan Negeri iaitu dua minggu diberikan tarikh bantahan kepada mereka yang berpendapatan lebih.

Mengenai orang yang makan gaji atau tidak makan gaji, kita berdasarkan kepada mereka yang hendak rumah itu yang berpendapatan tidak lebih daripada \$450 sebulan dan ada dasar-dasar yang tertentu. Kalau Ahli Yang Berhormat itu hendak butir-butirnya bolehlah saya kirimkan siapa yang berhak boleh dapat rumah tersebut.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan infrastructure tadi, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat iaitu pada masa sekarang Perbadanan-perbadanan Negeri membuat rumah termasuklah jalan,

longgang, kalau ada surau termasuk surau sekali dikumpul kemudian diberi harga rumah, tanah dan infrastructurenya seperti di MAHA, Jalan Kelang Lama harganya sampai \$13,000 satu yunit. Oleh kerana ini adalah untuk orang-orang miskin boleh atau tidak seperti yang telah dibuat di dalam rancangan luar bandar, buat pula rancangan di dalam bandar untuk orang miskin, bukan infrastructure rumah untuk orang-orang kaya. Jangan mengatakan Kerajaan Negeri itu kaya dia boleh buat dan kalau Kerajaan Negeri itu miskin dia tidak dapat buat apa-apa. Kerajaan bertanggungjawab untuk membuat infrastructure ini, rumah itu harganya \$7,000 sahaja, lain tidak dikira. Boleh atau tidak Kementerian Perumahan berunding supaya semua rumah sama harganya.

Datuk Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan asal berkenaan dengan bilangan rumah, jadi ini soalan lain. Tetapi walau bagaimanapun Kementerian saya boleh menimbangkan dan mengambil syor Yang Berhormat itu dan kita akan kaji dengan teliti, kalau menasabah kita akan laksanakan.

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan menerangkan tentang sumbangan Kementerian ini terhadap rancangan perumahan selain daripada menyalurkan wang pinjaman kepada Kerajaan Negeri, sebab Kerajaan Negeri mempunyai tanggungjawab mengadakan infrastructure dengan perbelanjaan Kerajaan Negeri. Dan mungkin Kerajaan Negeri memberi sumbangan ini tanpa dikenakan kepada pembeli-pembeli rumah murah tadi—perbelanjaan infrastructure tadi kerana hendak menolong rakyat—ini mungkin. Jadi, kalau demikian keadaannya, apa sumbangan pihak Kementerian ini selain daripada memberi pinjaman dan mengenakan interest yang rendah apa sumbangannya. Umpamanya, mengadakan pembinaan surau ataupun community hall di kawasan perumahan itukah, sumbangan yang secara langsung, sebab pinjaman ini dibayar balik dengan interestnya.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, soalan ini jauh sangat perginya daripada pertanyaan asal. Ahli Yang Berhormat boleh menyoalnya di persidangan Dewan Negara yang akan datang.

Datuk V. Ponnusamy Pillai: Tadi dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan mengatakan Perak dapat 3,700 unit. Saya fikir Yang Berhormat itu pun datang daripada Perak. Saya tidak hendak bercakap berkenaan dengan negeri-negeri lain, tetapi negeri-negeri lain yang dapat itu saya tidaklah berkecil hati tetapi sakit hati sahaja. Penduduk di Perak ada lebih kurang dua juta orang tetapi hanya dapat 3,700 unit sahaja. Yang Berhormat tadi menjawab secara berpusing-pusing. (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduk.

PELAJARAN TINGGI DI UNIVERSITI DAN MAKTAB

3. Datuk Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kementerian ini berpuashati dengan sistem pelajaran di universiti dan maktab pelajaran tinggi di Malaysia yang berjalan sekarang dan adakah disedari bahawa kelemahan masih

banyak terdapat yang tidak selaras dengan kemajuan dan perkembangan pesat negara ini lebih-lebih lagi di zaman sekarang. Apakah langkah sedang diatur untuk memperbaikinya.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, saya rasa soalan daripada Yang Berhormat itu adalah terlalu umum. Walau bagaimanapun, Yang Amat Berhormat Menteri Pelajaran berpuas hati dengan sistem pelajaran di universiti-universiti dan juga maktab-maktab pelajaran tinggi di Malaysia yang berjalan sekarang ini. Inginlah saya tegaskan bahawa adalah mustahil untuk mencapai peringkat 100% kesempurnaan di dalam apa bidang jua sekali pun, tidak terkecuali juga dengan sistem pelajaran tinggi di negara kita ini. Walau bagaimanapun, kelemahan-kelemahan yang kadang kala muncul itu adalah sentiasa diberi perhatian dan diperbaiki mengikut kehendak-kehendak semasa tanpa memerlukan rombakan yang menyeluruh terhadap sistem pelajaran negara kita.

PENYELIDIKAN MARDI

4. Datuk Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Pertanian menyatakan apakah tugas yang dipertanggungjawabkan oleh Yunit Perhubungan Perkembangan untuk mengedarkan hasil-hasil penyelidikan MARDI kepada rakyat pengguna dan petani. Setakat ini berapa pusat penyelidikan yang ditubuhkan dan yang akan ditubuhkan. Nyatakan bidang-bidang penyelidikan tertentu.

Timbalan Menteri Pertanian (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar): Tuan Yang di-Pertua, tugas yang dipertanggungjawabkan kepada Yunit Perhubungan Perkembangan adalah untuk menyediakan dan menterjemahkan hasil penyelidikan MARDI ke dalam bahasa yang sesuai untuk disampaikan kepada rakyat pengguna dan petani. Satu cara penyebaran maklumat ini ialah dengan mencetak buku-buku dan risalah-risalah untuk edaran kepada rakyat pengguna dan petani melalui Jabatan-jabatan Pertanian Negeri dan daerah serta lain-lain agensi yang terlibat dalam pembangunan pertanian.

Setakat ini MARDI telah menubuhkan 25 stesyen-stesyen penyelidikan seperti berikut:

- | | |
|---|---|
| 1. Serdang | Penyelidikan ternakan, buah-buahan, sayur-sayuran |
| 2. Yunit Gunaan Hasil Pertanian Serdang.. | Kajiteknik Makanan |
| 3. Alor Setar | Padi |
| 4. Gajah Mati | Tebu |
| 5. Bumbung Lima | Padi |
| 6. Bertam | Tanaman Ladang |
| 7. Kuala Kangsar | Buah-buahan |
| 8. Parit | Padi |
| 9. Tanjung Karang | Padi |
| 10. Batu Berendam | Ikan air tawar |

11. Jalan Kebun	Nenas, sayur-sayuran, tanaman ladang
12. Hutan Melintang	Koko/Kelapa
13. Sungai Baging	Tanaman Bris
14. Alor Bukit	Nenas
15. Bukit Redan	Ternakan, buah-buahan
16. Jerangau	Kelapa Sawit,
17. Kubang Keranji	Padi, tembakau
18. Pasir Puteh	Makanan ternakan
19. Tumpat	Serbok Ikan
20. Kuala Trengganu	Proses Ikan
21. Tampoi	Proses buah-buahan
22. Mergong	Proses ayam
23. Bukit Raya	Proses padi dan beras
24. Cameron Highlands	Tanaman iklim sejok
25. Kluang	Kelapa sawit, ternakan

Stesyen-stesyen penyelidikan yang akan ditubuhkan adalah dua buah iaitu:

1. Trengganu Tengah Kelapa sawit, ternakan
2. Pontian Tanaman tanah gambut.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan mengatakan ada 25 buah pusat penyelidikan yang telah ditubuhkan. Saya hendak bertanya dua soalan. Pertama, adakah pusat ini hendak dilanjutkan ke negeri Sabah dan Sarawak. Yang kedua, samada cukup atau tidak pegawai-pegawai yang hendak menyelenggarakan pentadbiran pusat-pusat ini. Kalau tidak cukup tidak akan memberi faedah kepada rakyat dan juga kepada badan ini.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang pertama samada akan dilanjutkan ke Sabah dan Sarawak, memang sedang di dalam tindakan untuk melanjutkan ini. Yang kedua, setakat ini pegawai-pegawai adalah mencukupi tetapi belum lagi memuaskan dan akan ditambah lagi untuk mengisi keperluan yang dikehendaki.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya berbesar hati mendengarkan bahawa MARDI akan menambahkan pegawai-pegawainya, kepesatannya akan menambah kuatkan lagi. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menimbangkan iaitu di

Pahang cuma ada Bukit Redan dan Cameron Highlands sahaja dan Bukit Redan itu ialah di Pantai Timur. Kerana negeri Pahang ini ialah negeri yang paling besar sekali dalam Semenanjung Malaysia Barat ini bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menimbangkan supaya ditubuhkan satu pusat penyelidikan di Barat Pahang. Kalau sudah ada rancangan begitu saya mengalu-alukan dengan segala hormatnya.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, jawapannya memang di dalam perhatian Kementerian dan saya suka memberi jawapan di dalam Dewan ini dengan perkataan "insya Allah".

Datuk Mansor bin Mohamad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya suka mendapat sedikit penjelasan iaitu berhubung dengan hasil-hasil penyelidikan daripada pusat-pusat MARDI setakat ini. Sudah berapa banyakkah risalah-risalah ataupun buku-buku yang telah dicetak, yakni yang merupakan hasil yang dibahagi-bahagikan kepada orang ramai.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, mengikut apa yang telah saya ketahui bahawa risalah-risalah ini mengikut hitung panjang yang telah dikeluarkan melalui Jabatan Pertanian

Negeri dan Jabatan Pertanian di Peringkat Daerah sebanyak 200,000 setahun.

Datuk Abdul Aziz bin Tapa: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain daripada mencetak buku-buku saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan adakah cara-cara lain yang dibuat supaya pengetahuan itu sampai terus kepada petani-petani kerana apa yang saya perhatikan kadang-kadang orang hendak membaca buku ini lemah sedikit.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, ini memang benar. Saya faham Ahli Yang Berhormat ini memang faham dalam soal pertanian. Kita sendiri memang tidak puashati dengan cara mengedarkan risalah-risalah ini sahaja. Itulah sebabnya kadang-kadang kita adakan beberapa kursus-kursus pendek kepada petani-petani di stesyen-stesyen pertanian supaya petani-petani dapat mengikuti teori dan juga praktikal di dalam kebun-kebun mereka.

KAMPUNG-KAMPUNG MENERIMA BANTUAN

5. **Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob** minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan menyatakan jumlah bilangan kampung-kampung yang diberi bantuan semenjak tertubuhnya Kementerian ini dengan memberikan nama kampung-kampung tersebut dan jumlah wang yang terlibat.

Datuk Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan telah ditubuhkan pada bulan September, 1974 dengan nama asalnya Kementerian Perumahan dan Kampung-kampung Baru. Sejak ditubuhkan Kementerian ini, sebanyak lebih kurang \$10,913,135 bantuan kewangan telah dikeluarkan kepada negeri-negeri di Semenanjung Malaysia bagi berbagai-bagai projek di 620 buah kampung. Oleh sebab angka itu terlalu besar bagi saya menyatakan nama tiap-tiap buah kampung yang berkenaan, maka saya akan menyaikan bilangan kampung dan jumlah bantuan yang diberi

menurut negeri sahaja. Butir-butir jumlah kampung dan jumlah bantuan yang telah dikeluarkan itu adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Jumlah bantuan</i>	<i>Jumlah kampung menerima bantuan</i>
Johor	\$ 2,935,792	134
Perak	2,072,799	191
Pahang	1,563,552	75
Selangor	1,328,408	55
Negeri Sembilan	1,143,005	58
Kedah	579,760	43
Kelantan	456,266	21
Pulau Pinang	251,252	11
Melaka	200,300	19
Trengganu	142,950	6
Wilayah Persekutuan	130,000	2
Perlis	109,051	5
Jumlah	<u>\$10,913,135</u>	<u>620 buah</u>

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah konsep kemajuan perkampungan ini dan adakah kemajuan perkampungan luar bandar termasuk juga di dalam konsep ini.

Datuk Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, termasuk dalam konsep ini.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam bantuan yang diberikan lebih \$10 juta itu saya hendak tahu daripada Kementerian ini bagaimana sistem pemberian dilakukan, samada diberi dengan disalurkan kepada Kerajaan Negeri itu ataupun Menteri yang berkenaan ini melawat kampung-kampung baru diberikan anugerah dengan cara politik. Itu yang saya hendak tahu.

Datuk Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu tidak timbul kerana disalurkan melalui Kerajaan-kerajaan Negeri, iaitu melalui Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak membuat penerangan. Penerangannya begini. Wang yang disampaikan oleh Kementerian ini waktu melawat kampung-kampung baru diberi terus kepada penduduk tempat itu, ini yang saya hendak bertanya. Adakah

pemberian itu melalui Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ini ataupun melalui Kerajaan Negeri itu.

Datuk Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, mengikut cara-caranya (procedure) melalui Kerajaan Negeri tetapi kebetulan bila melawat, umpamanya, saya buat lawatan dalam satu-satu kampung baru, dalam lawatan itu beri taklimat kepada Daerah atau kepada Negeri, kemudian Negeri menyatakan kawasan ini hendak diadakan projek kerana keutamaan-keutamaannya telah lama tidak dijalankan. Oleh itu, Kementerian luluskan untuk pelaksanaan itu tetapi wang itu akan diberi melalui Kerajaan Negeri.

Dr. Lim Keng Yaik: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi saya dengar jawapan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan mengatakan belanjawan yang masuk di kampung-kampung. Pada pengetahuan saya ada belanjawan di dalam Kementerian Kemajuan Luar Bandar untuk membaiki kampung dan apa yang dikatakan dahulu oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri ditu itu untuk kampung-kampung baru atau kampung.

Datuk Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya suka menjelaskan iaitu Kementerian Kampung-kampung Baru mula-mula sekali duduk di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Kampung-kampung Baru. Pada tahun 1974 Kementerian itu berubah menjadi Kementerian Perumahan dan Kampung-kampung Baru. Pada bulan Mac, 1976 akibat perombakan Kabinet dalam negara kita maka Kementerian Perumahan dan Kampung-kampung Baru telah ditukar menjadi Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan. Oleh sebab itulah saya jelaskan dalam jawapan saya tadi iaitu jumlah kampung baru 465 buah, kita memberi bantuan 620 buah, bermakna meliputi kesemua kampung yang kita memberi bantuan termasuk kampung baru dan kampung-kampung biasa.

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan menerangkan dari jumlah \$10 juta lebih bantuan yang diberi kepada 620 kampung yang diterangkan tadi, berapa

jumlah yang diberi kepada kampung-kampung baru yang jumlahnya 420 lebih tadi dan berapa yang diberi kepada perkampungan-perkampungan yang tidak dimasukkan dalam istilah "kampung baru".

Da'uk Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat terangkan sekarang dan saya minta notis.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat menerangkan berapakah jumlah kampung yang ada di Malaysia ini. Yang kedua, berapakah peruntukan yang diuntukkan oleh Kerajaan untuk kemajuan perkampungan, kalau sekiranya cukup peruntukan eloklah ada Kementerian ini dan kalau tidak ada cukup peruntukan lebih baik kita minta supaya diubah kepada yang lain. Soalan tambahan saya, berapakah kampung yang dalam taksiran Kementerian ini.

Datuk Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya minta notis. Berkenaan dengan peruntukan diuntukkan di bawah Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan untuk kemajuan perkampungan saya suka menerangkan \$4 juta dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga. Jumlah kampung-kampung baru—kalau itu maksudnya, 465 buah dan kalau semua kampung dalam negara, itu saya minta notis (*Ketawa*).

PENDUDUK-PENDUDUK KAMPUNG BARU

6. Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan menyatakan se akat hari ini be apa bilangan kampung baru yang ada di seluruh negara; berapakah jumlah anggaran angka penduduknya mengikut peratus berbagai kaum yang terbesar di Malaysia dan apakah rancangan Kementerian ini di bawah Rancangan Malaysia Ketiga untuk menyatupadukan penduduk-penduduk kampung baru supaya ia benar-benar menggambarkan perimbangan kaum di negara kita.

Datuk Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, di Semenanjung Malaysia ada 465 buah Kampung-kampung Baru dan menurut Banci tahun 1970 ada lebih kurang 1 juta penduduk-penduduk. Istilah kampung-kampung baru ini adalah dimaksudkan

kampung-kampung yang diwujudkan dalam masa dan oleh kerana dharurat (1948-1961) dahulu.

Dari jumlah 1 juta penduduk-penduduk itu ada terdapat 18.7% penduduk-penduduk Melayu, 77.5% dari golongan China dan 3.6% dari golongan India dan lain-lain (*lihat Lampiran "A"*).

Mengenai rancangan untuk menyatupadukan penduduk-penduduk kampung baru ini supaya ia benar-benar menggambarkan perimbangan kaum di negara kita, adalah hasrat dan cita-cita Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan dan pihak Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkenaan untuk berbuat demikian. Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan dan beberapa jabatan lain berserta dengan Kerajaan-kerajaan Negeri sedang mencari jalan yang sebaik-baiknya untuk mencapai matlamat tersebut. Satu pengkajian secara mendalam akan dijalankan dalam tahun ini; bermula daripada kampung-kampung baru yang sedang mengalami masalah keselamatan.

Untuk makluman Yang Berhormat ada pihak Kerajaan-kerajaan Negeri yang telah membuat rancangan-rancangan untuk mencapai tujuan tersebut.

Namun demikian, kejayaan bagi mencapai hasrat dan cita-cita ini adalah tertakluk kepada senang atau sukarnya mendapat tanah di sekeliling kampung-kampung baru tersebut, kepada kemampuan Kerajaan-kerajaan Negeri yang terlibat dari segi kewangan dan juga kesanggupan tiap-tiap seorang rakyat yang terlibat di dalam proses perubahan untuk mencapai objektif perpaduan negara itu.

LAMPIRAN "A"

BILANGAN PENDUDUK (%)

	Negeri	Melayu	China	India dll.
1. Kedah	22.5	67.2	10.2
2. Pulau Pinang	0.7	96.13	3.14
3. Perak	8.4	83.4	7.8
4. Selangor	5.78	90.35	3.86
5. Negeri Sembilan	11.38	86.95	1.65
6. Melaka	4	96	1
7. Johor	15	80	5
8. Pahang	7.18	89.2	3.14
9. Kelantan	93.04	6.63	0.32
10. Trengganu	19.89	80.10	—
Peratus	18.7%	77.59%	3.61%

Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri setakat ini kita telah membelanjakan \$10 juta bagi perkampungan baru dengan matlamat kita hendak menyatupadukan perimbangan kaum di negara ini. Setakat \$10 juta yang kita belanjakan ini apakah percentage ataupun apakah natijah yang didapati bagi menuju matlamatnya yang dicadangkan.

Datuk Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, rancangan ini berjalan sebelum kemajuan perkampungan lagi, jadi saya tidak dapat hendak jelaskan perkara itu, kalau Yang Berhormat hendak tahu, saya minta notis.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian tahu baikpun Kementerian dahulu sebelum tahun 1971 dibuat satu Kementerian dinamakan Kementerian Kampung-kampung Baru. Tetapi Kerajaan tahu betul-betul New Village kata orang Putih dan kita kata kampung-kampung baru. Sepatutnya nama ini tidak boleh digunakan lagi oleh kerana nampak perbezaan di antara orang-orang China dan orang-orang Melayu. New Village terutama sekali untuk orang-orang China. Dengan sebab itu apabila kita sudah mencapai kemerdekaan, negeri begini keadaannya, boleh atau tidak ada lagi nama yang difikirkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya jangan ada lagi nama kampung baru, asalkan kampung cukuplah dan diberi pertolongan secara kampung sahaja samada kampung Melayu, kampung China dan kampung India, boleh atau tidak dibuat begitu.

Yang kedua, apa yang dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi iaitu supaya orang-orang Melayu ataupun China dan India duduk di satu tempat di dalam kampung baru yang ada sekarang ini. Saya rasa tujuan ini tidak boleh dicapai betul atau tidak, oleh kerana kampung yang dikatakan new village yang telah dijawab tidak dapat dibeli tanahnya di luar, Kerajaan Negeri tidak ada wang, keadaannya terkongkong, kalau seperti Sungai Chua New Village dekat Kajang 100% orang China. Jadi, apa konsep yang hendak dibuat tidak boleh jadi. Dengan sebab itu boleh atau tidak pada masa yang akan datang diadakan kampung yang semua bangsa boleh duduk di dalamnya, bolehkah new village atau kampung baru ini dihapuskan.

Datuk Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, pandangan Ahli Yang Berhormat itu barangkali pandangan kepada satu Kementerian. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menerangkan kalau kita tengok ke semua Kementerian di sana baru kita dapat membuat satu kajian bahawa kampung-kampung umpamanya dalam Kementerian Pertanian di mana letaknya kampung-kampung itu ialah kampung-kampung luar bandar iaitu kampung-kampung baru. Itulah sebabnya Kementerian ini telah ditukar daripada Kampung Baru kepada Kemajuan Perkampungan supaya mencerminkan fahaman rakyat dalam negara kita supaya jangan ada perbezaan di antara satu kampung dengan satu kampung yang lain. Jadi, kalau hendak diceritakan keseluruhan untuk hendak dikatakan semua Kementerian ada terlibat di dalam dasar-dasar Kementerian masing-masing yakni seperti Kementerian Kemajuan Perkampungan iaitu Kampung-kampung Baru oleh kerana keselamatan dan lain-lainnya itulah disiapkan dasar, kalau Kementerian lain ada pun rancangan-rancangan beri kepada yang lain. Oleh itu, saya harap kalau Yang Berhormat membaca Buku Hijau (Third Malaysia Plan) telah menyatakan tiap-tiap keseluruhan objektif bagaimana pelaksanaan hendak menghilangkan soal mana yang boleh membawa kepada adanya perpaduan rakyat dalam negara kita ini.

Datuk Seri Hussein bin Mohd. Noordin: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Barangkali saya orang baru, saya tidak faham istilah perkampungan sebab apa yang didengar daripada penerangan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ini akan membangkitkan perasaan diskriminasi di antara satu kampung dengan satu kampung. Misalnya kampung baru ini atau new village telahpun ditubuhkan di masa dharurat dahulu. Ini semua orang tahu. Tetapi setengah-setengah kampung-kampung baru ini terletak di luar kawasan bandar. Apakah jadinya jikalau kawasan bandar itu sudah meluas misalnya, Yang Berhormat ini datang dari Perak, saya contohkan satu. Bagaimana kedudukan kampung baru Gunung Rapat yang sekelilingnya telah dibangun dengan pembangunan rumah tetapi kedudukan kampung baru di Gunung Rapat itu tidak seimbang dengan sekelilingnya. Bagaimanakah kampung baru ini diserahkan kepada Majlis Bandaran (Municipality) ataupun jagaan di bawah Kementerian ini. Jikalau Kementerian ini kata bagaimana

Yang Berhormat Menteri tadi jawab, kita serahkan kepada Kementerian untuk membahagikan wang-wang ini tetapi saya hairan bagaimana Kerajaan Negeri tidak memajukan kampung yang saya sebut iaitu Kampung Baru Gunung Rapat ini seimbang dengan luar kawasan kampung itu sebab kampung itu adalah terletak di dalam municipality iaitu kawasan Majlis Bandaran Ipoh yang telah meluas. Soalan saya, bagaimanakah kedudukan kampung baru ini sekarang.

Datuk Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan telah menubuhkan sebuah jawatankuasa untuk mengkaji apa yang dipersoalkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Apakala laporan jawatankuasa itu siap, kalau Ahli Yang Berhormat itu berkehendak saya akan berikan maklumat itu.

Dr. Lim Keng Yaik: Tuan Yang di-Pertua, saya tahu sekarang ada Kementerian Kemajuan Luar Bandar untuk menjaga kampung-kampung bagi seluruh negara yang pada setahu saya ada sejumlah 3,000 kampung di seluruh negara dan mengikut Laporan Corry pada tahun 1954 ada 465 kampung baru di dalam negara ini. Mengikut penjelasan Datuk Hussein Noordin kebanyakan kampung baru yang ada di dalam bandar setengah bernama resettlement areas dan ada yang bernama Indian Resettlement Area iaitu masuk difinasi kampung baru tetapi daripada wang peruntukan bagi Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan berapa banyak untuk menyatupadukan penduduk-penduduk kampung baru dan berapa untuk menyatupadukan kampung-kampung yang ada sebab ada Kementerian Kemajuan Luar Bandar untuk menjaga kampung-kampung. Saya suka hendak tahu berapa banyak wang dan apa tindakan bagi menjalankan tugas-tugas Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan.

Datuk Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya telah jawab tadi, saya kata kalau disentuh soal kemajuan kampung-kampung baru, ada sebuah jawatankuasa yang sedang mengkaji. Jadi kita hendak terangkan di sini tak dapat diasingkan samada luar banda atau kampung baru. Saya harap tunggu laporan itu siap.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya bukan hendak tanya luar bandar atau dalam bandar. Pada masa dharurat dahulu pertolongan kepada Kampung-kampung Baru ini adalah disalurkan menerusi Chinese Affairs Department daripada Kementerian Luar Bandar. Jadi ini adalah di masa dahulu tetapi di masa sekarang ini oleh kerana kita sudah hendak duduk bersama dan sebagainya, maka saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri oleh kerana sekarang ada satu jawatankuasa untuk memikirkan perkara ini, boleh atau tidak jawatankuasa itu memikirkan sedalam-dalamnya iaitu nama new villages itu tidak boleh dipakai lagi pada waktu sekarang. Bolehkah Yang Berhormat Menteri bawa perkara ini supaya nama new villages itu tidak boleh lagi dipakai.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, perkara ini tadi sudah disebut, tak payah dijawab.

BELIA-BELIA DALAM PERUSAHAAN/ PERNIAGAAN/PERTANIAN

7. Puan Hajjah Cik Tom Saudah binti Haji Othman minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan berapa banyak belia-belia Bumiputra atau bukan Bumiputra yang mengambil peranan di dalam lap ngan perusahaan dan perniagaan, juga pertanian di dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini, sebutkan dari negeri-negeri mana mengikut kategori yang berikut:

- (a) Melayu, China, India;
- (b) Lapangan Perniagaan;
- (c) Lapangan Pertanian;
- (d) Lapangan Perumahan.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Dr. Neo Yee Pan): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan tidak dapat menyatakan berapa banyak belia-belia Bumiputra dan bukan Bumiputra yang akan mengambil peranan dalam lapangan perusahaan, perniagaan dan pertanian di dalam Rancangan Malaysia Ketiga, kerana seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum Rancangan Malaysia Ketiga baru sahaja bermula pada pertengahan tahun 1976 dan peruntukan untuknya hanya diperolehi pada bulan Ogos, 1976.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sememangnya mempunyai program-program untuk belia-belia menceburkan diri dalam lapangan di atas. Walau bagaimanapun, bukanlah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sahaja yang mengadakan program-program di atas untuk belia-belia di dalam negara kita. Angka-angka yang diperlukan untuk Rancangan Malaysia Ketiga hanya akan dapat diberikan pada penghujung rancangan tersebut dan kejayaannya tergantung kepada sambutan yang diberi oleh kaum-kaum belia itu sendiri.

PENGEDAR DADAH—HUKUMAN

8. Datuk Haji Ahmad bin Arshad (di bawah S.O. 23 (2)) minta Menteri Undang-undang menyatakan bahawa memandangkan bahaya salahguna dadah adalah merbahaya kepada negara dan bertambahnya bilangan penagih dadah:

- (a) apakah langkah-langkah akan diambil untuk mempercepatkan pembicaraan pengedar-pengedar dadah yang ditahan di bawah Undang-undang Dadah Berbahaya yang membawa hukuman mati serta penjara seumur hidup;
- (b) berapakah kes pengedar-pengedar dadah telah ditahan di bawah Undang-undang Dadah Berbahaya dan berapakah telah dihukum di Mahkamah Tinggi;
- (c) samada penagih dadah hendak dipaksa menurut undang-undang melaporkan diri bagi diubat.

Menteri Undang-undang (Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di-Pertua, nampaknya masalah dadah menjadi perkara besar dan bukanlah rakyat jelata sahaja menjadi ketagih; nampaknya Ahli Yang Berhormat pun telah menjadi ketagih, tetapi bukan ketagih dadah, cuma ketagih menyoal perkara dadah (*Ketawa*). Di Dewan Rakyat rasa saya yang banyak sekali disoal ialah berkenaan dadah dan di Dewan Negara saya selidik pun banyak sekali boleh dikatakan selang sehari, dadah juga. Saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat kerana kesedaran masalah dadah ini ialah masalah nasional yang amat besar.

(a) Saya telahpun membicarakan perkara ini dengan Ketua Hakim Negara untuk memberi keutamaan bagi membicarakan kes-kes dadah terutamanya kes-kes besar.

Semua Timbalan Pendakwa Raya telahpun diarah untuk bekerjasama dengan Hakim mengenai tujuan yang sama, supaya kes yang besar yang membawa hukuman mati atau dihukum penjara seumur hidup supaya diberi keutamaan dan apakala dapat hukumannya bolehlah menjadi satu contoh menakutkan atau mengerikan kepada pengedar-pengedar yang lain. Itulah tujuannya rasa saya kebanyakan Ahli-ahli Yang Berhormat minta kes itu dibicarakan dengan seberapa lekas. Sebagaimana kita semua maklum hakim-hakim adalah bebas, tiada siapa pun boleh mengarahkan mereka. Saya sudah berbincang dengan dia dan minta ehsan dia memberi keutamaan membicarakan lebih lekas daripada kes-kes yang lain dan tindakan telahpun diambil!

(b) Sepanjang tahun 1976 ini lebih dari 70 orang pengedar-pengedar besar dadah telah ditangkap dan akan dibicarakan di bawah Akta Dadah Merbahaya (Pindaan) dalam mana jika didapati bersalah, mereka itu boleh dikenakan hukuman mati atau penjara seumur hidup dan disebut dengan rotan. Sehingga sekarang ini seorang dari pengedar telah dijatuhkan hukuman penjara seumur hidup dan disebut 12 rotan di Mahkamah Tinggi Kangar, Perlis. Dua orang di Alor Star telah dihukum penjara seumur hidup dan disebut tiap-tiap seorang tak kurang daripada 24 rotan dan baru-baru ini seorang telah dijatuhkan hukuman gantung sampai mati di Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur.

(c) Sebuah Jawatankuasa telah ditubuhkan di bawah Kementerian Kebajikan Am setelah mengkaji untuk meminda Undang-undang Dadah Berbahaya Tahun 1952 bagi membolehkan semua penagih-penagih dadah menerima rawatan setelah mereka disahkan oleh pegawai-pegawai perubatan sebagai penagih dadah.

Rasa saya Rang Undang-undang itu sudahpun diluluskan di Dewan Rakyat dan sekarang ini akan dikemukakan di Dewan Negara untuk diluluskan.

Puan Hajjah Fatimah binti Haji Salim: Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang ibu, saya rasa penting juga mengetahui mengenai dadah ini. Sekiranya budak yang belum berumur 20 tahun, dia menjadi pengedar dan dia juga menghisap dadah, bagaimana hukuman yang akan diberi kepadanya?

Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, kesalahan itu ada di dalam Undang-undang dan Dewan Rakyat dan Dewan Negara telah meluluskannya. Tentang hukuman, itu terpulanglah kepada hakim, bukan saya. (*Ketawa*) Yang saya tahu, kalau umur 18 tahun ke atas, boleh dihukum gantung. Kalau di bawah umur 18 tahun, rasa saya tidaklah dihukum gantung. Tetapi kalau dia pengedar besar, boleh dibawa ke mahkamah rendah supaya dihukum penjara ataupun di bawa ke rumah pemulihan dan lain-lain. Biasanya kalau di bawah umur 21 tahun, mereka itu sekiranya dijatuhkan hukuman gantung, bolehlah merayu kepada Majlis Pengampunan Raja-raja yang mana saya seorang daripada Ahli Pengampunan dalam Majlis itu.

Soalan itu adalah baik oleh kerana kita dapat tahu sekarang ini pengedar-pengedar yang besar-besar telah menggunakan kanak-kanak belasan tahun, kadang-kadang budak sekolah untuk mengedarkan dadah-dadah ini. Mereka tahu apabila ditangkap maka hukumannya ringan, atau diberi amaran sahaja dan kalau ianya kecil sangat, tidak boleh dihukum. Maka di sini saya suka memberi tahu kepada ibubapa dan guru-guru sekolah bahawa hendaklah diberitahu kepada anak-anak supaya jangan mengambil apa-apa bungkusan sekiranya diminta untuk membawa apa-apa bungkusan walaupun diberi upah \$20 ataupun \$5 untuk dibawa dari satu tempat ke satu tempat. Kita tahu mereka sekarang ini menggunakan kanak-kanak untuk menjadi pengedar.

Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim: Soalan tambahan. Berkenaan dengan penagih dadah ini apabila terkena ia akan dihantar ke tempat pemulihan, tetapi apabila balik ke rumah, dia hisap balik. Apakah langkah-langkah dan rancangan Kerajaan orang-orang yang begini.

Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof: Ini benda ketagih, seperti penghisap rokok, umpamanya saya ketagih rokok dan paip; pada bulan puasa saya tak hisap, lepas bulan puasa saya hisap balik. Jadi ketagih ini memang berulang. Dalam hal ini, saya fikir Kementerian Kebajikan Am yang sepatutnya menjawabnya. Setahu saya selepas dipulih 6 bulan dalam setahun, maka tiap-tiap orang yang dipulih itu adalah di bawah jagaan Pegawai Kebajikan Am yang akan mengulangi mereka selepas pemulihan di rumah-rumahnya sebulan sekali atau sebulan dua kali untuk

memperhatikan mereka atau menasihati mereka itu supaya jangan lagi menghisap dan menjadi penagih dadah. Itu sahaja satu jalan, lain jalan saya fikir ibubapa dan mereka itulah yang hendak menjaga dirinya, orang lain tak boleh menjaganya, kerana ia akan ketagih balik.

PROJEK RANCANGAN AMALAN MAKAN DAN PEMAKANAN

9. **Tuan M. Mahalingam** minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Rancangan Pemberian atau Makanan Tetap untuk sekolah-sekolah dapat dilanjutkan ke sekolah-sekolah di ladang-ladang memandangkan ramai di antara murid-murid sekolah di kawasan-kawasan ladang mengalami kekurangan zat makanan.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, daerah-daerah untuk Projek Rancangan Amalan Makanan dan Pemakanan (Applied Food and Nutrition Scheme) adalah dipilih oleh Jabatan Perdana Menteri dari masa kesemasa mengikut keperluan kawasan-kawasan yang berkenaan itu. Pada masa sekarang ini 28 daerah adalah dipilih untuk Projek Rancangan Amalan Makan dan Pemakanan itu. Semua sekolah-sekolah rendah termasuk sekolah dari ladang getah adalah layak untuk menyertai dalam Sekim Makanan Tambahan ini, dengan syarat mereka itu adalah termasuk dalam daerah Rancangan Amalan Makan dan Pemakanan tersebut.

SEKIM 'FLUORIDATION OF WATER SUPPLY'

10. **Datuk Dr Wee Khoo Hock** minta Menteri Kesihatan menyatakan bilangan kawasan atau bandar di mana sekim "fluoridation of water supply" belum dilaksanakan setakat ini dan nyatakan sebabnya.

Timbalan Menteri Kesihatan (Datuk Haji Abu Bakar bin Umar): Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan kawasan atau bandar di Semenanjung Malaysia yang memenuhi dua syarat yang penting untuk melaksanakan sesuatu projek Fluoridation of water Supplies, telahpun mendapat menafaat daripada projek fluoridation itu.

Dua syarat yang penting yang mesti ada sebelum fluoridation dapat dilaksanakan adalah—

- (1) Jumlah penduduk yang mencukupi, sesuai dari segi "cost-benefit" sesuatu projek; dan
- (2) Bekalan air paip yang memuaskan.

Ada didapati kawasan-kawasan yang memenuhi syarat jumlah penduduk tetapi bekalan air paipnya tidak sesuai sekali untuk menjalankan projek fluoridation. Bandar atau kawasan seumpama itu termasuk Kota Bharu di mana dari segi jumlah penduduknya adalah sangat memuaskan, tetapi malangnya, sumber air mentahnya adalah dari beberapa telaga yang digali ke dalam tanah. Sekiranya alatan-alatan fluoridation dipasangkan di tiap-tiap telaga itu, maka ini akan memakan belanja yang sangat besar dan dari segi "cost-benefit", adalah merugikan semata-mata.

Sebaliknya, Kuala Kerai dan Pasir Mas sungguhpun mempunyai bilangan penduduk kurang dari Kota Bharu tetapi oleh kerana jumlah penduduknya dalam lingkungan yang mencukupi dan juga bekalan air paip pun memuaskan, maka projek fluoridation dilaksanakan di kawasan Kuala Kerai dan kawasan Pasir Mas.

Kalau sekiranya Kerajaan Negeri untuk mengsupplykan air untuk Kota Bharu akan diambil daripada sungai insya Allah Kementerian Kesihatan akan menyediakan alatan-alatan fluoridation of water itu. Untuk makluman kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, sehingga hari ini Kementerian Kesihatan telahpun membelanjakan sebanyak \$1.03 juta untuk mengalatkan fluoridation of water sebanyak 36 tempat di seluruh Malaysia ini dan rancangan ini akan memberi menafaat kepada sejumlah 3.5 juta rakyat. Bagi phase yang kedua 26 tempat lagi akan dipasangkan alat-alat itu dan akan memakan belanja sebanyak \$750,000 dan untuk phase ketiga sebanyak 13 tempat lagi dan ini akan memakan belanja sebanyak \$250,000 dan bagi Kementerian Kesihatan, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Kementerian Kerjaraya khasnya Jabatan Kerja Air yang telah memberi sepenuhnya pertolongan dan kerjasama kepada Kementerian Kesihatan bagi melaksanakan projek-projek fluoridation of water supply di seluruh Malaysia ini.

MATAPELAJARAN UGAMA ISLAM DI INSTITUSI PELAJARAN TINGGI

11. Tuan Haji Mohd Amin bin Haji Yaakub minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) adakah beliau sedar bahawa mata-pelajaran Ugama Islam atau tatasusila telah dijadikan matapelajaran yang diwajibkan kepada semua pelajar-pelajar di Universiti Teknologi Malaysia sekarang dan dalam pelaksanaannya telah mendatangkan kesan yang sangat baik bagi semua peajar-pelajar Islam dengan mata-pelajaran Islamnya dan yang bukan Islam dengan matapelajaran tatasusilanya;
- (b) kalau beliau sedar, adakah beliau setuju dan akan mengarahkan lain-lain Pusat Pengajian Tinggi dan semua sekolah-sekolah Kerajaan di seluruh Malaysia ini melaksanakan sama matapelajaran ini.

Tuan Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Ya, Yang Berhormat Menteri Pelajaran sedar bahawa matapelajaran Ugama Islam telah diwajibkan kepada semua pelajar-pelajar Islam dan matapelajaran tatasusila kepada pelajar-pelajar yang bukan beragama Islam di Universiti tersebut dan kedua-dua matapelajaran ini mendatangkan kesan yang baik.
- (b) Perlaksanaan perkara ini di-Institusi-institusi Pelajaran Tinggi yang lain adalah dalam perhatian Kementerian Pelajaran. Berhubung dengan arahan ke sekolah-sekolah, perkara ini tidak timbul, kerana matapelajaran Ugama Islam memang wajib diajar kepada murid-murid yang beragama Islam dan begitu juga mengenai pelajaran tatasusila yang mana perkara ini adalah merupakan satu 'aspek' yang terkandung dalam matapelajaran 'tatarakyat' yang memang diajar di semua sekolah-sekolah Kerajaan kepada semua murid.

JURURAWAT DI HOSPITAL BERSALIN, IPOH

12. **Datuk V. Ponnusamy Pillai** minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau sedar tentang sikap kasar jururawat-jururawat di hospital bersalin di Ipoh dan

jika ya samada beliau boleh menyasiat perkara ini serta mengambil tindakan untuk memperbaiki keadaan ini.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar. Jika Ahli Yang Berhormat dapat menyatakan sesuatu kejadian yang tertentu, sudah tentu Kementerian saya akan menjalankan penyiasatan dan tindakan sewajar akan diambil.

ELAUN PASUKAN POLIS HUTAN

13. **Tuan T.S. Gabriel** bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berapakah tambahan gaji atau elaun yang diberi kepada seseorang anggota Pasukan Polis Hutan sekarang dengan memberikan angka-angka pecahan mengikut pangkat Mata-mata, Koprak dan Sarjan.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, anggota Pasukan Polis Hutan adalah sebenarnya anggota Pasukan Polis Di Raja Malaysia dan kerana itu gaji yang dibayar kepada anggota Pasukan Polis Hutan adalah sama dengan gaji yang dibayar kepada anggota-anggota yang lain. Bagaimanapun tiap-tiap anggota Polis yang berkhidmat dalam Pasukan Polis Hutan akan dibayar 'elaun' tetap bulanan yang digelar elaun Polis Hutan. Kadar bayaran elaun ini adalah seperti berikut:

Pangkat	Elaun PPH
Mata-mata	\$40.00 sebulan
Koprak	\$50.00 sebulan
Sarjan	\$70.00 sebulan

Sementara itu mereka diberi kemudahan-kemudahan yang lain seperti elaun catuan semasa berada di pengkalan dan ration bekalan makanan apabila mereka menjalankan operasi-operasi hutan.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sedar pernah berlaku iaitu anggota Polis Hutan yang berpangkat Sarjan atau Koprak apabila beliau ditukarkan kepada Polis biasa maka pangkatnya turun daripada Sarjan kepada Koprak sedangkan mereka itu adalah daripada anggota Polis Di Raja Malaysia yang menerima hak dan gaji yang sama?

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya harap Yang Berhormat itu dapat berikan specific case.

ELAUN PASUKAN POLIS HUTAN

14. Tuan T.S. Gabriel bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mema-langkan bahawa elaun bertugas tambahan yang diberi kepada anggota-anggota Pasukan Polis Hutan tidak berpadan dengan tugas-tugas bahaya yang dipikul oleh mereka adakah Kerajaan akan menimbang kenaikan elaun tersebut.

Datuk Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan memang menyedari tugas yang merbahaya dan berat yang dipikul oleh Pasukan Polis Hutan, dan itulah sebabnya elaun mereka itu diulangkaji tahun lalu iaitu sebelum Yang Berhormat mem-bawa soalan ini ke Parlimen.

Walau bagaimanapun Kerajaan sentiasa mengikuti keadaan negara, dan jika perlu Kerajaan akan kaji lagi sesuai dengan taraf dan belanja hidup di negara ini.

Angka-angka ini telahpun saya sebutkan dalam jawapan saya sebentar tadi.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG BANK NEGARA MALAYSIA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (5hb Januari, 1977).

2.32 ptg.

Datuk Abdul Aziz bin Tapa: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan), 1976 ini dengan sebab-sebab iaitu di dalam Rang Undang-undang ini diberikan peruntukan-peruntukan yang membolehkan Bank Negara kita mengawal bank-bank lain yang sudah menyeleweng dan akan menyeleweng pada masa hadapan. Dengan adanya Undang-undang ini diharap penyelewengan-penyelewengan itu dapat dikesan dan juga dapat dikawal jangan berlaku lagi. Dengan lulusnya Undang-undang ini maka bolehlah Bank Negara dapat membantu perbadanan-perbadanan

sebagaimana yang telah diperkatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat pada hari semalam dan juga dapat menolong TDC supaya mengembangkan lagi perusahaan pelancungan di negara kita ini. Apabila menyebut tentang TDC ini boleh jadi TDC tidak memajukan usahanya di Melaka kerana dia tidak dapat peruntukan. Maka dengan lulusnya Undang-undang ini mudah-mudahan TDC dapat memajukan perusahaan pelancungan di-Melaka kerana banyak potential perusahaan pelancungan di negeri Melaka itu.

Saya ingin juga memberitahu kepada Dewan ini biasanya apabila ada masalah kita buatlah Undang-undang. Dalam membuat Undang-undang ini banyak juga kerjanya seperti hendak disiapkan rangkanya, kemudian dibincang dalam Dewan dan diluluskan. Apa yang saya hendak ingatkan di sini apabila Undang-undang dibuat hendaklah diamalkan. Undang-undang dibuat tetapi tidak diamalkan. Oleh kerana banyak sangat Undang-undang ini dibuat tidak diamalkan maka berlakulah penyelewengan-penyelewengan macam mana yang disebut oleh Yang Berhormat Datuk Nik Hassan dan Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik semalam berbagai-bagai perkara berlaku sehingga sampai bercabar-cabar kerana Undang-undang dibuat tetapi kurang dijalankan. Kalau selalu kita buat Undang-undang tetapi tidak dijalankan, saya teringat kata pepatah orang India yang berbunyi: "Palagham, palagham, palem, polehem", maknanya: "Susu, susu, susu jadi masam", Kalau kita buat Undang-undang kemudian tidak dijalankan, jadi sia-sialah Undang-undang itu. Dengan itu, saya menyerulah kepada pihak yang berkenaan apabila dibuat Undang-undang ini hendaklah dijalankan dengan seterusnya, jangan tunggu-tunggu supaya kerja-kerja kita dapat diselesaikan, segala pembangunan dapat kita lakukan yang mana rakyat boleh mendapat faedah.

Selain daripada itu, di dalam Fasal 2 (1) (c) ada disebutkan bahawa di dalam Undang-undang ini diberikan peruntukan-peruntukan baru kepada Ordinan itu yang terkandung dalam Fasal 2 (1) (c) ialah untuk memberi kuasa kepada Bank Negara mengusahakan sekim-sekim bagi kerjasama serantau dan juga antarabangsa. Nampaknya di sini kita berilah kuasa kepada Bank Negara itu untuk mengusahakan sekim-sekim kewangan dan kerjasama serantau iaitu barangkali ASEAN dan antarabangsa. Saya rasa sudah sampailah masanya dalam hal kewangan kita ini kita

melebar keluar. Sebab itu saya katakan tadi saya sokong penuh Rang Undang-undang ini dan dalam kita mengusahakan sekim bagi kerjasama serantau dan antarabangsa ini jangan lupa kita utamakan diri kita dahulu, negara kita dahulu. Jangan sampai kata orang "Kera di hutan disusui, anak dipangkuan diletakkan". "Dagang lalu ditanakan, tidak ada kayu rumah diruntuhkan" Jadi tidaklah patut. Utamakan diri kita sendiri kemudian barulah kita tolong orang lain dan bila kita hendak tolong atau hendak bercampur, kita mesti ingat-ingat jangan sampai kita yang rugi, orang yang untung. Saya teringat kata Hamka:

Perawas kau petik merkah,
Di dalam taman Adam Sore;
Perawas adik melangkah,
Memetik bunga di dalam duri.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya sudahi dan saya turut menyokong Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan), 1976.

3.38 *ptg.*

Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun menyokong Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan), 1976 ini. Di samping itu saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan yang telah mengemukakan Bill ini kerana Bill ini memberikan penambahan kuasa untuk menyenangkan lagi Bank Negara memberi pendahuluan kepada perbadanan-perbadanan dan begitu juga badan-badan berkanun.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa Bank Negara kita telahpun mendapat kepujian atas pentadbiran bank itu seluruh dunia. Ini tentulah kita mengucapkan terima kasih juga kepada Gabenor Bank Negara dan kepada pegawai-pegawainya yang begitu berat mencari jalan untuk kebaikan bank itu. Di samping itu saya sukalah membawa perhatian sedikit yang mana setelah kita tahu Bank Negara ini telahpun mendapat kepujian seluruh dunia maka kita harap pula mendapat kepujian yang tinggi di dalam negara kita sendiri.

Kita tahu harapan Kerajaan supaya bank ini memainkan peranan untuk pembangunan negara dan untuk kebaikan rakyat yang ada di negara ini. Dan begitu juga harapan

rakyat kepada bank ini. Kita tahu bahawa di negara kita ada sebanyak 36 buah bank, 18 daripadanya ialah bank daripada luar negeri dan 18 lagi ialah bank kita sendiri. Ini menunjukkan bahawa bank-bank ini telah ada dan Kerajaan berharap bahawa bank-bank ini akan dapat memberi pertolongan kepada rakyat terutama sekali dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini maka harapan Kerajaan dan harapan rakyat adalah bergantung kepada bank-bank yang ada untuk mendapatkan kemudahan-kemudahan pembangunannya dan pinjamannya kepada bank-bank ini.

Harapan rakyat terutama kaum bumiputra yang mana pada masa dahulu sebelum Merdeka lagi mereka ini rapat dengan bank-bank dan banyak meminjam. Kebanyakan rakyat bumiputra kita pada masa dahulu sebelum Merdeka menyimpan wang-wangnya di rumah-rumah, di bawah bantal, di dalam bantal, di bawah tilam ataupun di tiang-tiang tetapi selepas Merdeka ini kaum bumiputra adalah rapat kepada bank-bank dan banyak penyimpanannya, lebih-lebih lagi dalam seruan Kerajaan supaya bank-bank ini memberi keistimewaan pinjaman kepada kaum bumiputra. Sebagaimana kita tahu Kerajaan meminta bank-bank ini memberi kemudahan kepada kaum bumiputra. Tetapi malangnya di dalam laungan atau permintaan Kerajaan dan kuasa-kuasa yang ada kepada Bank Negara untuk mengawasi bank-bank ini, hanya ada beberapa buah bank yang menolong betul-betul kepada kaum bumiputra. Kita tahu bahawa yang betul-betul menolong ialah Bank Bumiputra. Inilah bank yang memainkan peranan kepada bumiputra. Kita ucapkan terima kasih kepada Pengerusinya, Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin sebagai Pengerusi Bank Bumiputra yang mengambil berat di atas kepentingan bumiputra ini. Dan kita dapati bank-bank ini ada had masing-masing. Umpamanya, Bank Buruh menolong kepada kaum-kaum India, bank-bank yang lain menolong kepada bangsa-bangsa yang lain dan Bank Bumiputra ini sahajalah yang menolong kepada bumiputra. Inilah yang kita nampak pada hari ini. Dengan kerana itu kita tahu seruan dan harapan Kerajaan berkehendakkan semua bank-bank ini menolong kaum bumiputra.

Inilah yang saya minta supaya Bank Negara mengawasi ataupun dapat mencari jalan supaya tiap-tiap bank ini betul-betul

memberi pertolongan kepada bumiputra. Misalnya, bila kita masuk ke dalam bank maka kita akan nampak. Yunit-yunit Pennyertaan Bumiputra tetapi bila kita pergi berjumpa dengan pegawai-pegawai itu yang kebanyakannya bumiputra tidak ada kuasa apa-apa, kadang-kadang dihantar kepada Pengurusnya. Bila kita berjumpa dengan Pengurusnya, dia tidak begitu mengambil berat dan tidak begitu mahu memberi jalan supaya dapat bumiputra berkecimpung sama untuk mendapatkan pinjaman-pinjaman sebagaimana seruan-seruan yang dibuat oleh Kerajaan.

Kita berharap kepada Bank Negara ini supaya memberikan satu peraturan ataupun satu cara, atau syarat-syarat mengikut kehendak-kehendak Kerajaan dan tidak payah lagi kita melaung-melaungkan berkenaan dengan kedudukan di dalam soal mendapatkan pinjaman atau kemudahan kepada bank-bank ini. Kita tahu terbelakainya projek-projek yang diusahakan oleh bumiputra ini ialah terdapatnya kesusahan-kesusahan untuk mendapatkan pinjaman daripada bank-bank ini. Dan sebagaimana yang saya sebutkan tadi peranan yang dimainkan oleh Pengurus-pengurus ini memanglah terdapat di mana-mana. Di negeri Perlis tidak ada berapa bank yang ada di sana, tetapi di situ pun ternampak kesusahan-kesusahan yang menghubungkan kita dengan bank-bank ini. Di Negeri Perlis ada Chartered Bank, Malayan Banking, Bank Bumiputra dan bila kita pergi ke lain-lain bank selain daripada Bank Bumiputra, maka keadaan layanan Pengurus-pengurus itu tidaklah sebegitu hendak menolong kaum bumiputra ini. Jadi dengan itu, tidakkah dapat pihak Bank Negara ini memanggil segala Pengurus-pengurus Bank ataupun Kerajaan sendiri memberi penerangan-penerangan yang sepenuhnya atas tujuan-tujuan Kerajaan kita untuk menolong bumiputra memberitahu dengan sejelas-jelasnya kedudukan dan tujuan Kerajaan yang termaktub dalam Dasar Ekonomi Baru terutama dalam menolong kaum bumiputra. Dengan cara begini, saya ingat tidaklah payah kita melaung-laungkan meminta supaya bank-bank ini memberi pertolongan kepada bumiputra.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa selain daripada kesusahan pinjaman, kemudahan yang diberi ini ialah pinjaman-pinjaman kecil; pinjaman \$2,000, \$3,000. Kita bimbang manakala sampai 20 tahun

kelak, bumiputra ini penuh dengan hutang-hutangnya sahaja, kerana pinjaman-pinjaman yang diberi ini \$2,000, \$3,000 dan kadang-kadang wang itu tidak dapat ketegapan perniagaan bumiputra ini maka tersangkutlah hutang-hutang itu berjuta-juta ringgit tetapi hutangnya adalah \$2,000, \$3,000 ini. Tetapi kalau hendak mendapatkan pinjaman \$10,000, \$20,000, \$50,000 atau \$100,000 inilah yang menjadi kerumitan yang saya sebutkan tadi dan kadang-kadang bumiputra ini ada juga yang setengah-setengahnya saya mendapat rungutan-rungutan atau yang dapat saya hubungi sendiri yang mereka telahpun berhubung dengan bank-bank ini setahun atau dua tahun, bukanlah baru di dalam perjalanan perniagaan. Apabila hendak mendapat pinjaman yang lebih sebagaimana yang saya sebutkan tadi memanglah menjadi satu kesusahan dan di sinilah kita harap Bank Negara dan Kerajaan kita sendiri akan dapat mengatasi masalah ini supaya tidaklah bumiputra ini akan ketinggalan atau tercicir di dalam segala daya-usaha perniagaannya.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya suka menyentuh sedikit berkenaan dengan badan-badan berkanun ataupun Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri. Di sini juga Bank Negara kita telah memberi kemudahan-kemudahan sebagaimana yang ada terkandung di dalam Bil yang akan kita luluskan ini. Tujuan utama Kerajaan ialah berharap kepada badan-badan ini menolong bumiputra, tetapi malangnya kadang-kadang terdapat seperti yang saya ketahui baru-baru ini UDA telah membuat perumahan secara perkongsian dengan Perbadanan-perbadanan Negeri yang dinamakan syarikat PERUDA. Syarikat-syarikat ini telahpun membuat kedai-kedai dan rumah-rumah yang tujuan utamanya untuk kaum bumiputra. Pada masa dahulu kita selalu membangkitkan UDA membuat rancangan-rancangannya hanya di negeri-negeri yang maju sahaja terutama sekali di Negeri Selangor.

Pada hari ini UDA telah melangkahhkan kakinya ke negeri-negeri yang mundur dan di Perlis hanya baru ada satu projek dan sebuah bangunan bank sahaja yang baru didirikan. Adakah ini menunjukkan kerana rungutan-rungutan yang telah dibangkitkan yang UDA ini hanya menolong kepada negeri-negeri yang maju tetapi tidak menolong kepada negeri-negeri yang mundur, maka untuk memenuhi kehendak orang

ramai, sebab itu satu projek sahaja didirikan di Negeri Perlis. Sebagaimana yang saya difahamkan projek ini akan siap di dalam bulan tiga atau bulan empat tahun ini, tetapi projek ini hanya dibuat sebanyak enam pintu rumah kedai yang tingginya tiga tingkat yang barangkali di bahagian atas boleh diduduki oleh penyewa-penyewanya, tingkat yang atas sekali akan diduduki oleh Perbadanan Negeri dan tingkat yang kedua akan disewakan bilik-biliknya itu untuk pejabat-pejabat, manakala yang di bawah akan disewa juga iaitu kepada siapa yang menawarkan tender yang tinggi. Dengan cara ini sudah tentu bumiputra ini tidak akan dapat mengatasi kaum yang bukan bumiputra. Dalam soal inilah kita berharap semoga pihak PERUDA ini akan dapat memainkan peranan untuk memberi pertolongan kepada bumiputra dan enam pintu yang saya sebutkan tadi, selain daripada akan ditender ianya tidak diberi keistimewaan kepada bumiputra dan bumiputra tidak akan mendapat seperti saya katakan tadi. Enam pintu kedai yang dibuat di bahagian bawahnya tiga pintu dikosongkan, memang ada maksud dan cita-cita dikosongkan itu hendak diberi kepada siapa? Tidak lain dan tidak bukan akan diberi kepada bank untuk menyewanya dan bank ini akan dapat memberikan sewa yang lumayan. Kita percaya tiap-tiap rumah atau tiap-tiap projek yang hendak didirikan itu adalah untuk mencari keuntungan, tetapi hendaklah memandang sedikit kepada bumiputra ini.

Sebagaimana yang kita katakan tadi Perbadanan Negeri dan UDA bila ada perkara yang begitu, di sini saya sebut perkara yang belum berlaku dan yang akan berlaku. Jadi sebelum berlaku bolehlah pihak yang berkenaan ini mengambil daya-usaha supaya perkara ini tidak berlaku kerana kalau hendak diberi kepada bank menyewa bangunan, ini bererti kita tidak payah gaduh kerana bank mempunyai banyak duit dan dia boleh buat di mana-mana sahaja projek untuk dirinya sendiri, maka tidak payah lagi pihak Perbadanan atau pihak perkongsian PERUDA hendak memberi kepada bank. Kita berharap dalam bulan tiga atau empat enam buah pintu yang dibuat sebegitu sedikit di Negeri Perlis janganlah diselewengkan supaya dapatlah kemudahan kepada bumiputra yang menjadi tujuan Kerajaan untuk menolong kaum bumiputra mendapatkan tempat-tempat

perniagaan di dalam bandar. Jadi, saya berharap dalam hal ini akan mendapat perhatian oleh pihak yang berkenaan dan juga akan diambil daya-usaha supaya perkara ini tidak akan berlaku pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya suka bercakap sedikit berkenaan dengan keadaan kaum bumiputra yang menjalankan daya-usaha ini dengan bank-bank yang mana menyimpan-penyimpan kepada bank yang kita tahu wang pertaruhanannya sebanyak \$500 maka kita dapat mengeluarkan cek-cek untuk kegunaan. Itu adalah untuk kebaikan tetapi patutlah juga diambil perhatian dan dicari jalan oleh pihak Bank Negara atau pihak yang berkenaan bersangkutan dengan cek-cek yang diberi kepada tiap-tiap pelanggan-pelanggan ini yang mana kerap kali pihak peniaga-peniaga kecil atau peniaga-peniaga bumiputra yang baru meningkat selalu terkena penipuan. Langkah-langkah yang tegas hendaklah diambil oleh Bank Negara walaupun perkara-perkara yang seperti ini dapat direpot, tetapi kalaulah satu perniagaan bumiputra itu menerima cek-cek sekali atau dua kali daripada seseorang itu berturut-berturut yang mana katakanlah kalau pertama kalinya dia menerima \$5,000 dan kemudian menerima \$5,000 lagi maka lama kelamaan peniaga yang kecil itu yang dijalankan dengan betul akan bankrap. Kalau hendak disaman tentulah susah kerana kadang-kadang dia mengatakan dia tidak boleh berniaga, dia boleh membayar sedikit, sebab keadaan perniagaan.....

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, saya fikir perkara ini tidak berkait dengan tujuan Rang Undang-undang ini. Saya harap tolong ringkaskan.

Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih diatas teguran itu dan saya mengagak bahawa perkara-perkara yang saya sebutkan tadi berkait tetapi berlainan sedikit daripada Bill ini. Jadi, saya ucapkan terima kasih dan saya berharaplah kemudahan-kemudahan yang diberi oleh pihak Badan Kerajaan atau badan berkanun agar badan-badan berkanun ini akan memainkan peranan yang penting untuk kepentingan terutama sekali bagi kaum bumiputra.

4.00 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun kali ini adalah memberi sokongan yang kuat kepada Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan. Saya hendak bercakap dalam Fasal 2 (1) (a) dan juga Fasal 2 (1) (c).

Saya hendak bercakap seberapa ringkas. Sebelum daripada saya membuat ulasan, gemar, saya memberi ucapan tahniah, Tuan Yang di-Pertua kepada Bank Negara dan juga kepada Menteri Kewangan yang telah memberi taklimat kepada kami ahli-ahli Dewan Negara pada pagi tadi, maka kesannya sangat baik kepada kami. Kami dapat mendalami berhubung dengan ulasan-ulasan yang ada kaitan dengan Bank Negara. Ucapan saya ini bukan saya yang berucap; mewakili Tuan Yang di-Pertua, yang memberikan ucapan itu. Bagaimanapun, saya berharap Timbalan Menteri yang saya kasihi ini akan sabar saya bercakap sedikit, sebab dia hendak membuat ulasan.

Yang pertama sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya patut memberikan kepujian kepada Bank Negara, kepada Perbendaharaan kita dengan sebab kecekapannya dan kelicinan pentadbirannya menjadikan keteguhan matawang Perbendaharaan kita dan dapat kepercayaan di seluruh dunia. Ini bagi pihak rakyat negeri Johor dan Kerajaan Negeri Johor khususnya, dan rakyat Malaysia amnya, mengucapkan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, kesannya daripada keteguhan dan tinggi nilai matawang Bank Negara kita mendatangkan satu keyakinan kepada bank-bank antarabangsa terhadap negara kita dan mereka bermurah hati hendak memberikan pinjaman-pinjaman yang ada kaitan dengan projek pembangunan kita. Ini satu perkara yang sangat dibanggakan oleh rakyat sebagaimana kita sedia maklum kita telah mendapat saluran bantuan daripada bank antarabangsa seperti Bank Pembangunan Asia dan Bank Islam. Tetapi saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri setakat manakah Bank Islam telah menolong rancangan pembangunan dan pemberian kepada Perbendaharaan kita selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak memberikan satu pandangan kalau boleh atas fikiran yang begitu cetek ini, sampai

ketikanya Kerajaan kita melalui Bank Negara supaya menubuhkan sebuah Bank ASEAN, kerana dengan tertubuhnya Bank ASEAN akan membantu pembangunan negara yang ada dalam kelompok ASEAN.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengharapkan atas lawatan-lawatan yang dibuat ke Asia Barat seperti ke negeri-negeri Arab-se bagaimana yang telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita pada saat ini yang telah pergi melawat Mesir dan Libya; langkah ini akan dapat kita nikmati sebagaimana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah melawat Saudi Arabia—dia telah bermurah hati meminjamkan kita sebanyak \$200 juta. Saya mengharapkan kesan daripada lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang sedang berunding dengan Kerajaan Libya dan Kerajaan Mesir, kita akan dapat satu peruntukan yang besar lagi untuk tujuan pembangunan negara kita dan muslihat-muslihat yang dikehendaki oleh kedua-dua buah negara itu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Fasal 2 ini membolehkan Bank Negara kita memberikan pinjaman kepada Syarikat Malaysia Building Society Berhad dalam sekim perumahan. Saya gemar menyatakan, bahawa ini satu usaha yang baik dan dapat memberikan kemudahan-kemudahan dan kelonggaran kepada rakyat samada perseorangan juga kepada syarikat-syarikat bumiputra. Saya mengharapkan perkara yang seumpama ini akan dapat berjalan dengan baik dari masa ke semasa. Tetapi satu perkara yang saya harapkan yang menjadikan satu tanda soal kepada rakyat negeri ini ialah samada boleh atau tidak Bank Negara membenarkan dan meluluskan wang yang akan mempengaruhi syarikat-syarikat bumiputra khususnya dengan satu usaha broker yang saya hendak sebutkan ini telah menawarkan bahawa dia boleh memberikan pinjaman wang daripada luar negeri yang sekurang-kurangnya projek yang hendak dibuat itu dari segi perumahan dan lain-lain tidak kurang daripada \$3 juta. Sekiranya syarikat ini atau perseorangan ini dapat memberikan kertas kerja kepada broker ini dia akan memberikan sokongan bagi mendapatkan pinjaman wang daripada luar negeri itu. Tatkala itu wang ini akan boleh digunakan kerana projek ini dengan bunga yang sangat rendah.

Menurut yang difahamkan kepada saya, wang ini didapati di GOA kerana pejabatnya di sana. Samada betul atau tidak, Yang Berhormat Timbalan Menteri bolehlah membetulkan saya, sebab ini ada kaitan dengan pembangunan negara kita. Segala Kertas Kerja, segala tandatangan dikehendaki supaya orang yang terlibat ini pergi menandatangani di GOA sana.

Yang kedua, di Jerman Barat boleh memberikan peruntukan sampai \$50 juta pinjaman. Kalau dapat pinjaman ini, boleh atau tidak Kementerian Kewangan ataupun Perbendaharaan memberikan keizinan kepada syarikat ini dengan tidak mengenakan cagaran atau sebaliknya. Sebab broker-broker datang berjumpa dengan syarikat membuatkan tawaran, membuatkan dakyah sampai syarikat ini terpengaruh memberikan wang sagu hati, wang belanja kepada manusia-manusia ini. Ini yang sedang berjalan dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan Bank Negara pada masa depan kalau hendak membuat budget tiap-tiap tahun hendaklah meluluskan beberapa peruntukan yang dikemukakan oleh ejensi-ejensi Kerajaan seperti MARA, UDA, Bank Pembangunan, Bank Rakyat, Bank Pertanian, PERNAS, Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri. Kerana selama ini menurut apa yang dapat difahamkan kepada saya, ejensi-ejensi Kerajaan ini bila minta wang daripada Perbendaharaan, kalau minta 100%, pihak Perbendaharaan hanya meluluskan 50% atau 60%. Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab ejensi-ejensi yang tersebut ini berkembang dengan baik, tambahan pula mendapat sambutan daripada rakyat dan pada masa yang akan datang patutlah segala peruntukan yang diminta oleh ejensi ini dengan Kertas Kerja yang dibentangkannya, kita luluskan 100%. Ini menolong Kerajaan.

Saya hendak contohkan satu perkara, Tuan Yang di-Pertua. Seperti Bank Pertanian, kita berikan peruntukan kepadanya, kalau tak salah ingatan saya \$10 juta. Kalau tidak betul, Yang Berhormat Timbalan Menteri tolong betulkan. Kalau dengan \$10 juta tentu tidak cukup. Kita mahu Bank Pertanian ini supaya merebak ke seluruh tanahair kita yang ada kaitan dengan pertanian. Dan di Bank Pertanian ini juga para petani-petani kita telah menanamkan modal dan memberikan kepercayaan kepada bank

itu. Kalau sekiranya kita memberikan peruntukan yang cukup kepada MARA, kepada PERNAS, kepada UDA nescaya kegiatan-kegiatan yang hendak dibuatkan itu dapat dilihat akan kejayaannya. Kalau dengan wang yang tidak begitu sempurna, tidak ada begitu cukup tentulah projek-projek itu tidak dapat berjalan dengan licin.

Saya fikir setakat itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih.

4.09 ptg.

Datuk Dr C. Sinnadurai: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun dengan sukacitanya menyokong pindaan Rang Undang-undang ini. Pada pandangan saya, pindaan ini adalah menuju ke arah yang baik—a move in the right direction. Perubahan mestilah dibuat mengikut masa dan zaman. Apa juga sistem yang dibuat dan ke arah mana kita patut pergi dan bila kita patut mula. Ini terpulanglah kepada Menteri Kewangan, penasihat-penasihat dan juga pegawai-pegawainya.

(Dengan izin) Tuan Yang di-Pertua, what system we should adopt, in what direction we should go and how soon should we start, it is for our Minister of Finance and his officers to decide. Let us support these amendments for it is futile for any one of us to go along haphazardly trying to meet the problems as they arise and hope for the best.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua memberi kepujian yang tinggi dan juga mengucapkan tahniah kepada Gabenor Bank Negara dan pegawai-pegawainya kerana mencapai perkhidmatan yang tinggi dan yang sangat memuaskan. Inilah masanya bagi Bank Negara mengambil peluang berkhidmat kepada rakyat negara kita semua.

Kita berharap Bank Negara akan memberi perkhidmatan yang lebih berkesan dan lebih cekap supaya semuanya akan berjalan dengan licinnya. Yang demikian, Bank ini akan menjadi sebuah bank yang terkemuka sekali di dalam negara ini.

Sir, these amendments would enable Bank Negara to serve the public more effectively and efficiently and the future relationship between the bank and the rakyat would be smoother than as at present.

Bank ini mestilah dapat menjalankan tugas-tugasnya yang sesuai dan memberi bantuan yang berfaedah bukan sahaja kepada rakyat jelata tetapi juga kepada ekonomi negara kita.

Sir, pragmatism, flexibility and adaptability are essential in the present state of development under Rancangan Malaysia Ketiga if the targets that are envisaged in the Plan are to be achieved.

Tuan Yang di-Pertua, kita mestilah mempunyai orang-orang yang boleh bekerja dengan berbagai-bagai sistem. Yang demikian, kita hendaklah bertukar-tukar pegawai dan latihan dengan negara-negara lain.

We live in an age that is marked by tremendous advances in all fields; hence the importance of further education not only in medicine but in other disciplines too if one wants to be fully alive to all that is going on around. Therefore, Sir, all possible encouragement and opportunities to improve and to study the recent trends in banking and modern ideas in accounting should be given to Bank Negara officers for the Bank's future and the country's stability depends on them—I mean, Sir, on their competence and creative thinking and above all in their self-confidence. Inilah cara yang baik sekali untuk menjamin darjah yang tinggi di dalam bank ini.

Sir, therefore it is the duty of the executives to see that the officers sent overseas for further training derive maximum benefit and are not there just to sign the attendance sheet and have a good time.

Sekarang adalah zaman kemajuan. Kita mestilah mempunyai pegawai-pegawai yang berkebolehan tinggi. Itulah sebabnya kita melatih pegawai-pegawai kita. Apabila pegawai-pegawai kita dihantar berlatih di luar negeri mereka mestilah mendapat faedah yang besar daripada latihan itu, bukannya untuk mendapatkan elaun yang besar sahaja.

4.15 ptg.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada semua Yang Berhormat Senator-senator yang telah membuat teguran-teguran dan telah menyumbangkan syor-syor dalam perbahasan Rang Undang-undang ini.

Yang Berhormat Senator Haji Ibrahim bin Yaacob telah menyentuh berkenaan dengan pengambilan bahagian Bank Negara dalam bank-bank yang lain. Saya suka menyatakan di sini memangnya Bank Negara kita tidak meletakkan wang dalam mana-mana bank juga tetapi Bank Negara sentiasa mengawasi pinjaman-pinjaman dan urusan bank-bank untuk menentukan yang bank-bank itu sentiasa dikendalikan bagi kepentingan penyimpan wang dalam bank tersebut, pemegang saham-saham bank itu serta juga kepentingan orang awam dan kepentingan negara. Jika tiada badan pusat yang mengawasi perjalanan bank-bank ini seperti yang telah disentuh oleh beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat pengurus-pengurus bank yang unscrupulous mungkin memberi pinjaman kepada syarikat mereka sendiri ataupun kepada kawan-kawan mereka dan sebagainya. Saya percaya penjelasan ini telahpun diantecipatekan oleh Yang Berhormat Datuk Nik Hassan dalam hujah-hujah beliau kelmarin dan dengan itu beliau telahpun merengankan kerja saya untuk membuat jawapan dan saya ucapkan terima kasih atas pertolongan beliau yang tidak diminta itu.

Yang Berhormat Senator Datuk Nik Hassan dan Yang Berhormat Senator Raja Datuk Nong Chik yang kedua-duanya itu telah menyentuh beberapa perkara yang sama dan izinkan saya memberi jawapan kepada apa-apa yang telah disentuhkan itu dengan serentak.

Yang Berhormat Datuk Nik Hassan telah mengharapkan supaya peruntukan \$10 juta di bawah Rancangan Malaysia Ketiga ditambah pada masa akan datang supaya Perbadanan UDA dapat meluaskan lagi aktiviti-aktiviti ekonomi untuk menggalakkan lagi kepentingan ekonomi orang Melayu. Hujah-hujah beliau adalah menarik dan lojik dan Kementerian saya memang mengambil perhatian dan akan membuat kajian cadangan itu pada masa yang tetap. Konsepnya tidak dapat disalahkan. Walau bagaimanapun, kita akan mengambil kira juga masaalah-masaalah berkaitan seperti keupayaan mengimplimentasikan sesuatu projek yang ingin dimajukan. Dengan lain perkataan, hanya peruntukan modal yang sahaja tidak akan menelurkan tanpa berbagai-bagai keupayaan seperti menentukan, merancang dan menjalankan projek-projek. Pada keseluruhannya, Tuan Yang di-Pertua, masaalah seperti ini adalah dalam kajian

Kerajaan dan saya yakin dengan kerjasama negeri-negeri yang berkenaan, kita akan berjaya sama-sama untuk rakyat negeri-negeri yang sebenarnya sebahagian rakyat negara juga. Saya percaya pada satu masa nanti apabila masalah-masalah yang saya sebutkan tadi telah diatasi, rayuan kedua-dua Yang Berhormat Senator-senator itu mungkin ditunaikan sekiranya tenaga kewangan negara cukup dan sekiranya keutamaan dalam konteks lain-lain badan berkanun serta ejensi-ejensi Kerajaan mengizinkan.

Berkenaan dengan komen-komen tentang sesuatu kelakuan yang tidak diinginkan yang dikatakan telah berlaku dalam Bank UMBC dan juga Bank Buruh, Yang Berhormat Senator Datuk Nik Hassan hanya meminta membetulkan beliau sekiranya apa yang disentuh itu tidak benar. Maka oleh sebab itu barangkali tidak payahlah saya mengesahkan bahawa apa yang didakwakan itu adalah benar. Walau bagaimanapun, saya fikir memadailah sekiranya saya menyatakan di sini bahawa ada tindakan boleh diambil terhadap seseorang Pengarah Bank dijalankan tanpa publicity untuk membela kepentingan yang meletakkan wang di dalam bank itu dan jika sesuatu kesalahan jenayah dapat dibuktikan terhadap seseorang Pengarah maka tindakan undang-undang akan dijalankan terhadap seseorang Pengarah itu.

Suka juga saya menyatakan, di bawah peruntukan-peruntukan Akta Bank, semua bank adalah tertakluk kepada pemeriksaan yang ditetapkan oleh Bank Negara dan adalah benar bahawa United Malayan Banking Corporation dan Bank Buruh Berhad telah diletakkan di bawah perhatian utama oleh kakitangan pemeriksaan Bank Negara lanjutan daripada pemeriksaan yang dilakukan ke atas kedua-dua bank tersebut.

Mengenai kes United Malayan Banking Corporation, bank ini telah menyusun semula pemegang syer-syer dan pengurusannya. PERNAS telah memiliki 30% daripada syer bank tersebut dan Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Eksekutifnya telah ditubuhkan semula. Bagi kes Bank Buruh, langkah-langkah sedang diambil untuk menyusun semula pengurusan bank tersebut. Bank Negara sememangnya bekerja rapat dengan pihak Polis dan Biro Siasatan Negara apabila terdapat sebarang penyelewengan atau penyalahan undang-undang didapati semasa pemeriksaannya ke atas mana-mana bank.

Berkenaan dengan dakwaan yang sedikit-sebanyak menyalahkan pihak Perbendaharaan melambatkan pembayaran peruntukan kewangan kepada negeri-negeri yang memerlukan itu, Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan sendiri pun telah memberi penjelasan dalam sebuah taklimat pagi tadi di mana kebanyakan Yang Berhormat Senator-senator pun telah hadir maka tidak payahlah saya ulangi dengan lanjut, hanya dengan ringkasnya iaitu apabila Anggaran Perbelanjaan diluluskan oleh Parlimen peruntukan pun terus dibuat kepada Kementerian-kementerian masing-masing untuk disalurkan kepada negeri-negeri yang berkenaan untuk membiayai berbagai-bagai projek.

Perlu dinyatakan di sini bagi negeri-negeri masing-masing mereka pun menjadi sumber wang peruntukan sendiri melalui Anggaran Perbelanjaan Negeri dan ini dapat ditolong atau ditambah dengan peruntukan tambahan daripada Kerajaan Pusat. Kesulitan kelambatan yang didakwa ini hanya berkait dengan wang Kerajaan Pusat dan Kementerian saya telahpun mengkaji dakwaan seperti ini tetapi didapati tidak ada bottleneck ataupun sumbatan yang patut ditanggungjawab oleh pihak Perbendaharaan. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, didapati juga ada sedikit-sebanyak salah faham di sanasini tentang procedure ataupun perhubungan dan masalah ini akan diatasi apabila sahaja pihak negeri-negeri dan Perbendaharaan menyelesaikan perkara ini. Jika ada pihak mana-mana negeri juga yang masih rasa ada mana-mana juga kelemahan Perbendaharaan dalam konteks ini dan patut dibaiki silalah beritahu dan kita boleh bersama-sama mencari ikhtiar mengatasinya. Sepanjang pengetahuan saya tidak ada gejala-gejala yang boleh menunjukkan keadaan pilih kasih antara negeri-negeri yang telah didakwakan.

Seperti yang Ahli-ahli Senator maklum, Kementerian Kewangan sentiasa memberi perhatian terhadap sesuatu masalah mengikut keutamaan (priority). Begitu juga walaupun Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan sendiri berasal daripada negeri Kelantan, tanggungjawab beliau ialah untuk seluruh negara dan ini termasuk Kelantan dan bukan khusus untuk negeri Kelantan. Saya yakin selepas taklimat pagi tadi itu Yang Berhormat Senator-senator semua telah faham atas kebijaksanaan dan keadilan

Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan kita untuk memberi perkhidmatan kepada semua negeri-negeri dalam negara kita.

Banyak lagi huraian-huraian yang telah diberi oleh kedua-dua Yang Berhormat Senator-senator itu dan saya tidak sempat memberi jawapannya atas tiap-tiap satu perkara yang telah ditimbulkan itu dan saya minta maaf kerana kesuntukan masa. Dan saya suka juga mengucapkan tahniah kepada Senator Datuk Nik Hassan kerana huraian itu telah diberi dengan begitu berani yang saya telah ambil perhatian untuk kajian dan di mana-mana boleh tindakan akan diambil.

Yang Berhormat Datuk Syed Kechik telah menyentuh beberapa perkara juga dalam teguran-teguran beliau dan hanya satu yang mengenai 20% pinjaman yang baru diumumkan diuntukkan kepada kaum bumiputra. Beliau telah minta penjelasan atas perkara ini dan saya suka memetik satu bahagian sahaja daripada satu ucapan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 23hb September, 1976 di Pamiran Perdagangan Persatuan Pekilang-pekilang Malaysia yang saya yakin akan menjelaskan perkara ini. Petikan itu berbunyi seperti berikut:

(Dengan izin) "For the commercial banks, a minimum of 20% of their increase in loans and advances will be directed to bumiputra individuals and bumiputra controlled enterprises, 10% will be directed to priority sectors such as agricultural food production and 25% for manufacturing and 10% for housing and individuals".

Apa yang penting dinyatakan di sini ialah perkataan "increase in loans and advances" atau bermakna pinjaman (new loans) yang berkenaan dan saya harap penjelasan itu dapat memuaskan Yang Berhormat Datuk Nik Hassan.

Yang Berhormat Senator Abdul Rahim bin Abdul Manan telah menyentuh perkara di antara lain consultants ataupun pakar-pakar perunding luar negeri yang kita selalu memakai dan adalah harapan beliau itu di mana-mana boleh patutlah pakar-pakar perunding kita sendiri dapat dipakai. Ini memang hasrat Kerajaan. Kerajaan ambil pakar-pakar perunding dari luar negeri apabila kita tidak ada pakar-pakar perunding sendiri dalam konteks yang berkenaan.

Yang Berhormat Senator Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub di antara lain telah bertanya kenapakah permohonan Bank Rakyat menjadi bank perdagangan itu lambat diuruskan. Jawapannya, ialah sebenarnya Bank Rakyat belum membuat permohonan, setahu saya untuk menjadi bank perdagangan, dengan itu perkara lambat diuruskan tidak timbul dan jika Bank Rakyat itu hendak, bolehlah membuat permohonan secara rasmi dan sampai masanya permohonan itu tentulah akan mendapat pertimbangan yang sesuai.

Yang Berhormat Puan Dasimah Dasir juga menyentuh kesukaran mendapatkan wang untuk negeri Kelantan dan perkara ini saya sudah menjelaskan tadi dan saya masih ingat Yang Berhormat Puan Senator itu sendiri telahpun hadir kepada taklimat pagi ini dan saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan saya yang telah menjelaskan tentang masaalah itu dan tak usahlah saya mengulanginya lagi. Saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Puan Senator itu yang telah menunjukkan kehandalan berpidato hingga dapat dipanjangkan ucapan bila sahaja berkehendakkan dan boleh juga menamatkan ucapan bila sahaja dikehendaki tepat pula jam pukul 6.30 petang kelmarin.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Abdul Aziz bin Tapa telah memberi sokongan pada Rang Undang-undang yang kita bahaskan dan telahpun menyuarakan sedikit sebanyak kekhawatiran atas amalan undang-undang yang Parlimen meluluskan dan saya sangat bersetuju dengan beliau itu apabila undang-undang kita ini diluluskan oleh Parlimen tentulah eloknya diamalkan, jikalau tidak apa gunanya kita luluskan undang-undang.

Berkenaan dengan Rang Undang-undang yang dibahaskan oleh kita sekarang, seperti Yang Berhormat—Yang Berhormat Ahli Senator juga semua tahu kita mempunyai seorang Gabenor Bank Negara yang bukan sahaja terkenal dalam negara Malaysia sebagai seorang pentadbir yang strict, kadangkala dikomplen juga kerana sikap strict itu, tetapi juga diakui oleh pihak banking antarabangsa, bank-bank asing sebagai seorang yang cekap, bertanggungjawab dan dihormati kerana integritinya dan saya percaya tidak payah kita terlalu runding di atas kekurangan amalan Rang Undang-undang ini apabila diluluskan oleh Parlimen kita.

Yang Berhormat Senator Ismail bin Sheikh Ibrahim telah membuat aduan yang pernah saya dengar di Dewan Rakyat juga yang mengatakan walaupun banyak bank-bank di negara kita ini hanya satu atau dua bank sahaja, misalnya Bank Bumiputra yang benar-benar memberi bantuan yang betul kepada kaum Melayu dan bumiputra lain. Hal ini memang adalah dalam perhatian Kementerian Kewangan dan sekali lagi Kementerian ini akan merujuk hal ini kepada Bank Negara untuk perhatian yang sesuai.

Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad bin Arshad telah memberi begitu banyak pujian-pujian kepada Yang Berhormat Mulia dan pegawai-pegawai lain dalam Kementerian Kewangan dan saya suka mengucapkan berbilang terima kasih kepada beliau dan perasaan baik itu saya akan sampaikan juga kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan serta pegawai-pegawai kanan Perbendaharaan.

Berkenaan dengan Bank Islam sepanjang pengetahuan saya dan seperti saya nyatakan dalam Dewan Rakyat baru-baru ini urusan Bank Islam itu untuk menolong Perbendaharaan belum dimulai lagi akan tetapi dengan harapan tidak lama lagi apabila masalah preliminary dari segi pentadbiran itu selesai saya percaya pertolongan itu akan lahir.

Berkenaan dengan broker yang dikatakan mencadangkan hendak meminjamkan wang begitu besar jumlahnya, beratus-ratus million, perkara ini saya fikir pihak-pihak yang didekati, pihak-pihak yang ditawarkan dalam hal ini hendaklah berwaspada sedikit kerana adalah dalam pengetahuan Bank Negara kita juga sekurang-kurangnya ada satu kes specific yang telah disiasat olehnya dan lepas siasatan itu didapati pihak-pihak broker itu yang didatangkan daripada luar negeri sebenarnya sudah datang dengan tangan kosong walaupun mereka itu membuat bermacam-macam perjanjian yang mengatakan mereka boleh mendapatkan wang bila-bila sahaja dikehendaki. Dengan lain perkataan, adalah kemungkinan broker-broker itu bukanlah broker-broker yang sebenarnya mempunyai principal yang boleh dipercayai dan saya harap jika broker-broker itu telah datang eloklah dirujuk kepada pihak Perbendaharaan supaya satu penyiasatan boleh dibuat dan disahkan samada broker-broker itu mempunyai sumber-sumber kewangan yang sebenarnya.

Berkenaan dengan Bank Pertanian dan peruntukan pinjaman yang terhad itu, saya fikir adalah satu perkara yang patut diselesaikan di antara Bank Pertanian dan pihak-pihak yang hendak meminjam wang itu mencapai persetujuan.

Saya juga ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Datuk Dr. C. Sinnadurai yang telah memberikan pujian kepada Kerajaan kita dan dengan izin, sebab beliau telah menggunakan bahasa Inggeris, kita dalam Perbendaharaan ataupun dalam Kementerian Kewangan ini bukan sahaja hope for the best seperti yang dikatakan oleh beliau. We in the Finance Ministry and in the Treasury not only hope for the best, but we base our hopes on very minute studies on a very scientific basis, and we do not make haphazard guesses as to the future and leave the rest to God and good luck.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir itulah sahaja ulasan saya dan saya percaya adalah banyak juga aspek yang telah disentuh oleh saudara-saudara kita dalam Dewan yang mulia ini yang belum dijawab oleh saya iaitu disebabkan pertamanya kesuntukan masa dan keduanya hujjah-hujjah yang telah dikatakan itu tidak begitu berkaitan dengan Rang Undang-undang yang kita bahaskan ini secara langsung, walaupun ada berkaitan juga secara tidak langsung dan aspek-aspek itu saya akan mengambil perhatian dan juga akan dirojokkan kepada pihak-pihak yang lebih berkenaan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan ditetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditempokkan selama 15 minit.

Persidangan ditempokkan pada pukul 4.45 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 5.10 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA KEMAJUAN PERUSAHAAN HAIWAN NEGARA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.10 ptg.

Timbalan Menteri Pertanian (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Perusahaan Haiwan Negara (Pindaan), 1976 dibaca bagi kali yang kedua.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bagi mengisi keperluan negara bagi keperluan daging dan susu untuk makanan rakyat dan menyelamatkan pertukaran wang luar negeri kita, maka MAJUTERNAK bercadang hendak memainkan peranan yang lebih aktif untuk menarik minat dan menggalakkan penyertaan pihak swasta dan pelabur menanam modal di dalam perusahaan ternakan di negara ini. Di samping mendapatkan kepakaran, kemahiran pengurusan dan teknologi penternakan yang diperlukan melalui penubuhan projek-projek usahasama untuk tujuan ini Majuternak perlu menubuhkan syarikat-syarikat di bawah Akta Syarikat 1965. Peruntukan Akta MAJUTERNAK yang ada sekarang ini hanya membolehkan MAJUTERNAK menubuhkan Perbadanan-perbadanan dengan menggunakan kumpulan wangnya sendiri dan sekiranya Perbadanan ini dibubarkan kelak, semua harta-hartanya akan menjadi milik MAJUTERNAK. Pertubuhan Perbadanan seperti itu tidaklah boleh untuk menjalankan sesuatu projek usahasama. Oleh itu adalah perlu Akta MAJUTERNAK dipinda untuk memberi kuasa kepada Majuternak menubuhkan syarikat-syarikat di bawah Akta Syarikat 1965 itu.

Pindaan juga dicadangkan supaya membolehkan mana-mana Perbadanan yang ditubuhkan diubah kepada syarikat yang

didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965. Tujuannya ialah supaya orang-orang perseorangan, kumpulan ataupun badan-badan swasta yang berminat boleh mengambil bahagian dengan cara membeli saham-sahamnya setelah diubah kepada syarikat. Selain daripada mengambil bahagian di dalam perusahaan ternakan adalah perlu juga MAJUTERNAK mengambil bahagian di dalam lain-lain perusahaan yang difikirkan perlu, berfaedah ataupun berkaitan dengan menjalankan tugas-tugasnya. Umpamanya di dalam perusahaan pengeluaran bahan-bahan makanan, ternakan dan baja untuk menentukan kejayaan rancangan-rancangan ternakannya. Oleh itu MAJUTERNAK perlu diberi kuasa bagi membolehkan mengambil bahagian di dalam semua perusahaan yang dimaksudkan itu samada secara bersendirian, usahasama ataupun penyertaan equiti.

Pindaan-pindaan lain yang dicadangkan ialah untuk menukarkan nama jawatan Ketua Executive MAJUTERNAK yang dikenali dengan nama Timbalan Pengerusi. Nama jawatan ini adalah lebih sesuai ditukarkan kepada Ketua Pengarah selaras dengan tugas-tugasnya sebagai Ketua Executive.

Suatu peruntukan baharu dalam Akta MAJUTERNAK adalah juga dicadangkan untuk menentukan kepentingan MAJUTERNAK sentiasa dipelihara dan tidak dipergunakan oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab untuk kepentingan dan kepentingan peribadi mereka sendiri. Ini dibuat dengan mengadakan peruntukan melarang perlantikan orang yang mempunyai kepentingan peribadi yang difikirkan bercanggah dengan kepentingan MAJUTERNAK menjadi Ahli Lembaga Pengarah atau pegawai MAJUTERNAK. Mereka yang telah dilantik atau akan juga dilantik akan diminta mengisytiharkan butir-butir harta dan kepentingannya dan melarang mereka itu mengambil bahagian di dalam perbincangan-perbincangan dan kerja-kerja yang difikirkan kepentingan peribadinya bercanggah dengan kepentingan MAJUTERNAK.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Perusahaan Haiwan Negara (Pindaan) 1976 dibaca bagi kali yang keduanya.

Tuan Law Heing Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

5.15 ptg.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya adalah menyokong sepenuhnya-penuhnya Rang Undang-undang yang dibawa oleh Timbalan Menteri Pertanian. Ini sepatutnya telah lama dibuat oleh Kementerian ini.

Saya telah bercakap berkenaan dengan perkara ini beberapa kali oleh kerana pada masa dahulu Kementerian ini cuma melepaskan batuk di tangga sahaja bagi orang-orang Melayu memelihara lembu. Bukanlah saya katakan lembu daripada Kelantan. Tetapi lembu-lembu kurus diberi kepada orang-orang Melayu di kampung-kampung yang diberi oleh Pejabat Haiwan. Saya menengok sendiri lembu yang dibawa itu pendek-pendek, kecil-kecil, kurus-kurus belaka. Jadi memberi propaganda atau dakyah kepada orang kampung bela lembu ini untuk daging. Lembu ini macam mana dibawa begitulah besarnya, tidak hendak besar-besar, sebab lembu kecil, lembu kerdil, tidak hendak besar, lembu yang nampak tulang rusuknya, lembu yang berpenyakit. Inilah yang dibawa dan diberi kepada orang kampung, kononnya untuk meninggikan taraf hidup orang kampung.

Tuan Yang di-Pertua, orang Melayu apabila diberi lembu ini tentulah suka dan memang diambilnya tetapi Kementerian mestilah bertanggungjawab dengan seekor lembu ini boleh atau tidak meninggikan taraf hidup orang kampung, kerana apabila satu ekor lembu diberi kepada orang kampung, orang kampung hari-hari diheret lembunya. Diheret, dijaga lembu seekor tadi memakan rumput. Beginilah sampai tiga tahun, dijual. Lembu ini cuma dapat dijual dengan harga \$50 seekor atau \$300. Tiga tahun dibela, beberapa sen orang kampung itu dapat dalam satu hari kalau dikira, tetapi orang kampung, mereka tidak kira, cuma dapat peliharaan dan pendapatannya mereka tidak kira sangat. Dengan sebab itu, apabila dicakapkan, dan diluluskan bukan sahaja oleh saya tetapi juga Ahli-ahli Dewan Rakyat dan juga Dewan Negara ini, maka di sini difikirkan barangkali oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri betul juga jangkanya, betul juga perkara ini dan patutlah dipinda Rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, apabila dibuat Rang Undang-undang ini barangkali telah dikaji bahawa susu adalah perlu untuk negeri kita ini. Oleh kerana susu yang kita minum

pada hari ini lebih 80% datangnya daripada luar negeri samada susu dalam tin iaitu susu pekat atau susu tepong untuk kanak-kanak kita yang minum pada hari ini pun datangnya dari luar negeri. Sebanyak 12 juta orang-orang kita di Malaysia ini, berapa banyak anak-anak kita pula yang meminum susu ini. Dengan itu satu perusahaan yang cukup besar untuk negara ini, satu perusahaan yang boleh mendapat keuntungan yang banyak tetapi apa sebabnya swasta tidak masuk ke dalam perusahaan ini. Satu daripadanya ialah oleh kerana tanah. Harga tanah mahal terutama pada hari ini. Dahulu boleh dapat \$200 satu ekar tetapi pada hari ini kalau hendak dapat \$200 seekor itu, sekaki sahaja \$20 bukan satu ekar. Ini adalah satu perkara kalau diberi melibatkan modal yang banyak di atas perkara tanah sahaja tetapi dengan adanya Perbadanan ini dan Perbadanan ini bekerjasama dengan Kerajaan Negeri maka tanah boleh didapati barangkali \$6 satu ekar seperti dahulu. \$6 satu ekar kalau misalnya dengan survey sekali sudah jadi \$10 satu ekar. Kalau begitu, bolehlah dijalankan oleh Perbadanan ini ataupun joint-venture dengan swasta samada di dalam ataupun di luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah menengok di Kingston, Jamaica mengenai cara memelihara lembu. Hawa di negeri ini adalah berlainan dengan hawa di Australia, di England atau di Amerika, lembu-lembu atau Jersey cattle daripada luar negeri ini tidak sesuai dengan hawa negeri kita ini dan kutunya banyak oleh kerana hawanya panas, dengan sebab itu saya yakin dan percaya pegawai haiwan atau pejabat haiwan telahpun menyiasat di atas perkara lembu-lembu ini. Lembu di Jamaica yang dinamakan Jersey cattle ini dikahwinkan dengan lembu Benggala. Barangkali Tuan Yang di-Pertua tahu lembu Benggala jantan ini tinggi, tegap dan kuat manakala lembu betina ialah lembu Eropah yang berbelang putih hitam, putih kuning, elok rupanya. Lembu itu dikahwinkan dan dapatlah benih yang lebih baik dan lebih tahan serta lebih sesuai untuk negara kita. Saya harap pejabat haiwan apabila membawa lembu-lembu daripada luar negeri hendaklah memilih lembu untuk daging dan untuk susu. Beberapa kali Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu saya iaitu lembu yang banyak susu ialah lembu yang ponggongnya lebih besar ataupun ponggong yang lebih kecil untuk daging. Itu saya tidak tahu, Yang Berhormat

Timbalan Menteri boleh memberitahu berkenaan perkara ini. Jadi, untuk perkara ini mestilah disiasat dengan sebenarnya. Tuan Yang di-Pertua, bukan untuk memilih lembu yang menjadi masalah, tetapi tanah juga diperlukan dan rumput yang dikehendaki adalah rumput yang sesuai untuk makanan lembu di sini rumputnya hijau tetapi keras, tetapi makanan yang lain juga patut difikirkan.

Di Negeri Jepun, Tuan Yang di-Pertua, lembu daging ini hari-hari kena massage dan juga diberi minum beer (*Ketawa*) sebabnya ialah supaya dagingnya lebih lembut lagi. Itulah yang dinamakan "good Kobe beef". Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat tidak percaya bolehlah pergi Chikuyo-Tei Japanese Restaurant di Kuala Lumpur ini menggunakan daging lembu daripada Kobe. Ini adalah perkara sebenarnya dan harganya pun lebih mahal daripada daging lembu daripada Australia atau New Zealand dan Amerika.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan daging ini boleh dimasukkan di dalam tin. Ini adalah perlu, bukan sahaja susu di dalam tin dan susu tepung (powder) terpaksa kita buat. Dengan adanya teknik-teknik daripada luar ini, saya yakin dan percaya pegawai haiwan kita belum lagi layak di atas perkara teknik-teknik ini dan terpaksa kita kalau hendak berjaya dalam rancangan ini pakar-pakar mestilah dibawa daripada luar negeri iaitu daripada negeri-negeri yang maju. Apabila kita telah mengetahui barulah pegawai-pegawai luar ini dihantar balik. Semuanya ini adalah perlu untuk kita melangkah seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi iaitu untuk membuat projek-projek usaha-sama dan projek ini banyak bukan di dalam perkara lembu sahaja. Lembu-lembu ini berguna bukan sahaja untuk dagingnya tetapi kulitnya boleh dibuat kasut dan lain-lain, tulangnya juga boleh dibuat baja (calcium) dan sebagainya.

Saya rasa Rang Undang-undang ini sepatutnya sudah lama digubal dan negeri seperti negeri kita ini yang telah diperintah oleh penjajah, selepas merdeka kita terpaksa memandang jauh, bukan memandang besok atau 10 tahun tetapi kita terpaksa memandang 50 tahun atau 100 tahun ke hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa dahulu mengikut historian mengatakan iaitu di waktu dahulu Negeri Jepun tidak diberi langsung orang-orang kulit putih atau orang-orang asing masuk ke Negeri Jepun iaitu sebelum Meiji Dynasty orang asing tidak dibenarkan masuk. Tetapi apabila orang Jepun memikirkan dirinya sangat pandai sebab dia tidak beri orang lain masuk dan apabila Perry menembak Nagoshima barulah didapati iaitu orang Jepun tidak begitu kuat, ada orang yang lebih maju daripada Jepun, mereka tidak boleh lawan dengan pedang sahaja atau dengan semangat sahaja. Dengan sebab itu, di dalam tempoh tidak sampai 20 tahun orang Jepun boleh menewaskan Russia Navy di lautan Jepun sampai Russia kalah pada masa itu dan ia dapat melawan Korea, Manchuria dan sebagainya.

Dengan sebabnya itu, saya harap, apabila dibuat satu polisi, dasar atau undang-undang begini Kerajaan hendaklah memandang bukan sahaja besok, tetapi memandang jauh ke hadapan supaya bangsa Malaysia ini tidak kira apa jenis samada Melayu, China, India boleh maju seperti mana orang lain boleh maju. Dan Saya harap sangatlah dengan adanya Rang Undang-undang seperti ini dapatlah Kementerian berkecimpung di dalam dunia perindustrian dan juga kehaiwanan. Dan saya harap pegawai-pegawai yang bertanggungjawab jangan takut dengan keritik-keritik kami Senator-senator ataupun Ahli-ahli Parlimen yang lain, kerana dengan adanya keritik-keritik inilah boleh dapat membangunkan negeri kita.

5.30 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong bil ini untuk diluluskan. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Kerajaan kerana dapat menyediakan bil ini untuk menubuhkan syarikat. Apa yang saya harap pada syarikat-syarikat ini akan membuka banyak lagi tempat-tempat ternakan binatang-binatang seperti lembu, kambing, kerbau dan babi. Tanah-tanah masih banyak lagi di Trengganu yang sesuai untuk memelihara binatang-binatang yang saya sebutkan tadi. Dan dengan adanya banyak ternakan-ternakan kita di seluruh negara ini bukan sahaja ada kerja-kerja atau tugas-tugas Jabatan Haiwan tetapi juga kita akan dapat mempunyai cukup dengan bekalan daging samada

daging lembu, daging kambing, atau daging babi. Makanan ternakan-ternakan ini tidak menjadi problem kerana negara kita mempunyai rumput-rumput yang ada zat dan vitamin, bukan sahaja untuk ternakan binatang tetapi juga untuk kita sendiri. (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini yang saya nampak banyak ternakan ayam. Tengok berapakah untungnya kita, ayam tidak ternakan-makan oleh sebab banyaknya. Begitu juga telur tidak terhingga banyaknya, tetapi harganya sahaja dimainkan oleh orang yang berniaga.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya penternakan lembu, kambing, kerbau dan babi banyak di negara kita ini, tidak payah hotel-hotel yang ada di negara kita ini mengorder daging daripada Australia dan New Zealand sebagaimana yang dijalankan pada masa ini. Ini bukan sahaja jikalau kita dapat jalankan dengan syarikat yang hendak ditubuhkan oleh Kerajaan ini akan menguntungkan Kerajaan tetapi juga akan memberi pekerjaan kepada rakyat kita yang tidak ada kerja. Tanah banyak kita boleh dapat beribu-ribu ekar di Jabor, Trengganu. Saya sudah minta dan saya sudah test tanah di Jabor ini. Masa itu saya telah bawa A\$15 juta. Saya sudah bawa orang Australia pergi ke Jabor. Dibawa balik tanah itu ke Australia dan dia sent letter to me, dia kata tanah ini bagus untuk ternak. A\$15 juta dia hendak buat. Tetapi masa itu Wan Nik tidak luluskan. (*Ketawa*). Saya sebutkan nama ini, sebab pada tahun 1973 saya pergi jumpa Wan Nik—if you give me this land, A\$15 million for Trengganu saya kata. Tetapi Wan Nik tidak luluskan. Hari ini baru hendak ditubuhkan. Jadi saya menyokong balik mudah-mudahan kalau ada kelulusan, saya boleh bawa orang Australia itu balik. Lembu itu bukan sahaja untuk daging tetapi juga untuk susu. Jadi itulah pandangan saya dan saya menyokong bill ini untuk diluluskan.

5.34 ptg.

Puan Zawiah binti Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang kepada saya. Sebelum saya menyokong di atas Rang Undang-undang ini, terlebih dahulu saya ingin menyentuh dan memberikan pandangan sedikit dalam beberapa perkara berhubung dengan MAJUTERNAK. Untuk mengatasi

kekurangan daging dan susu di negara kita ini, pihak Kerajaan telah mengadakan beberapa buah pusat MAJUTERNAK di negara ini dengan menternak lembu-lembu. Lembu-lembu yang diternak di sini kebanyakannya diimpot dari Australia dan sudah tentu memakan belanja yang begitu banyak.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Lembaga Kemajuan Haiwan Negara juga patut membuat kajian untuk menternak binatang-binatang yang lain seperti kerbau bagi menambahkan daging dan susu ataupun kambing biri-biri dan sebagainya. Saya rasa perbelanjaan bagi menternak kerbau atau kambing biri-biri adalah lebih kecil daripada menternak lembu dengan membekalkan kerbau-kerbau, lembu tempatan ataupun diimpot daripada negara-negara jiran kita seperti Thailand, kerana kerbau dari negara tersebut adalah lebih sesuai dengan keadaan di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, patut juga pihak Lembaga MAJUTERNAK membuat kajian supaya susu-susu kerbau dijadikan minyak sapi seperti yang dilakukan oleh penternak-penternak kerbau di Trengganu. Kerana minyak sapi yang dibuat daripada susu kerbau adalah lebih tinggi mutunya dan harganya pun begitu memuaskan.

Yang kedua, kematian sering berlaku. Lembu yang diternak misalnya di tempat saya seringkali mati akibat ditangkap oleh harimau dan juga kerana kesejukan. Ini adalah disebabkan kerana kurangnya pengawasan. Saya tahu bahawa pihak Lembaga ada mempunyai jaga-jaga tetapi mereka ini tidak dilengkapi dengan senapang dan juga kurangnya tempat perteduhan untuk lembu-lembu ini tidur.

Saya rasa inilah sahaja pandangan saya, walaupun serba ringkas, akhirnya saya menyokong penuh Rang Undang-undang ini untuk diluluskan.

5.36 ptg.

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Akta Lembaga Kemajuan Haiwan Negara 1972 ini tetapi saya tidak akan mengulangi apa yang sudah diperkatakan oleh saudara-saudara saya Ahli-ahli Yang Berhormat tadi. Cuma bagi memaju dan meluaskan dan mengekonomikkan haiwan negara ini, langkah-langkah yang positif hendaklah

diambil bagi menggalakkan ternakan secara besar-besaran terutama kepada penduduk luar bandar dan secara beramai-ramai. Dengan cara demikian akan dapat menjamin ekonomi penduduk luar bandar. Dengan cara demikian juga akan menarik minat pemuda-pemuda tidak akan berhijrah ke kota-kota sepertimana pernah saya katakan dahulu.

Di samping itu mestilah juga difikirkan cara-cara yang bersangkutan supaya bertambah maju dan besar dan menambah minat penduduk-penduduk berkenaan dengan penternakan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kedua; Kerajaan mestilah memikirkan dan membuat jaminan agar perusahaan ternakan ini akan menjadi ekonomik kepada penduduk-penduduk luar bandar, janganlah jadi seperti perusahaan nenas yang lalu. Kerajaan menggalakkan penduduk luar bandar menanam nenas dan tanaman-tanaman kontan tetapi sebagai yang kita tahu dan telah mendapat tahu bahawa usaha menanam nenas yang digalakkan itu sudah tidak ekonomik lagi. Kos-kos pengeluaranannya telah menjadi lebih mahal daripada harga yang diperolehi oleh penanaman itu. Maka Kerajaan hendaklah memberi jaminan bahawa perusahaan ternakan secara besar-besaran dan beramai-ramai penduduk luar bandar itu menjadi sebenarnya ekonomik. Janganlah seperti yang lalu yang mana belanja pengeluarannya lebih mahal daripada hasil keluarannya, maka rancangan Kerajaan akan tidak mendapat sambutan dan rakyat terus menghadapi kerugian yang bertimpa-timpa.

Maka dalam masaalah ini suka saya bayangkan di akhir pandangan saya, apakah langkah yang positif diambil untuk menggalakkan ternakan secara besar-besaran kepada penduduk luar bandar secara beramai-ramai. Dan apakah langkah-langkah Kerajaan untuk mencapai dan menjamin perusahaan penternakan ini akan menjadi ekonomik kepada penduduk luar bandar dan tidak mengalami nasib seperti penanam nenas yang telah lalu ataupun tanaman kontan yang lain sudah tidak menjadi ekonomik lagi. Kos pengeluarannya lebih mahal daripada harga yang diperolehi.

Dalam masaalah ini saya tujukan kepada Menteri yang berkenaan supaya memberikan pandangan dan menjalankan Undang-undang ini dengan lebih positif lagi supaya tidaklah sia-sia.

5.40 Ptg.

Datuk Seri Hussein bin Mohd. Noordin: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh Rang Undang-undang yang bertujuan untuk meminda Akta Lembaga Kemajuan Perusahaan Haiwan Negara, 1972 dengan mengucapkan berbanyak tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah mengemukakan Rang Undang-undang ini. Saya tidaklah hendak bercakap banyak berkenaan dengan Rang Undang-undang ini, cuma memberi pandangan apa yang saya fikir patut dikemukakan di Dewan ini. Sungguhpun banyak di antara Ahli-ahli Senate telah bercakap berkenaan dengan tujuan Rang Undang-undang ini saya pun berpendapat Rang Undang-undang ini adalah sangat baik. Kerana negara kita Malaysia ini adalah sebuah negara yang penduduknya memakan daging lembu dan kerbau yang sama tingginya di dalam negara Asia ini.

Pada satu ketika dahulu kita impot daging mentah daripada Australia dan negeri Jepun meningkat kepada 20 atau 30 juta tan setahun tetapi saya ragu-ragu sedikit di dalam hati, jika saya tidak menegur berkenaan dengan Rang Undang-undang ini. Saya fikir Rang Undang-undang ini telah dikemukakan dalam Dewan Rakyat dan Dewan Negara pada hari ini kerana kegagalan didapati berkenaan dengan memajukan perusahaan haiwan iaitu menternak lembu dalam negara ini pada tahun-tahun yang sudah kerana satu masaalah yang besar hendak mencapainya hasrat Kementerian ini ialah soal tanah. Soal tanah Kementerian ini tidak ada kuasa tetapi kuasa itu ditangan Kerajaan Negeri. Tadi kita dengar Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Yaacob mengatakan bahawa dia telah membuat penyiasatan di Trengganu dan akan membawa 15 juta dollar Australia jika tanah itu diluluskan tetapi tidak diluluskan, maka wang itupun tidak tiba dan lembu pun tidak dapat diternak di Trengganu. Bukan sahaja di Trengganu Tuan Yang di-Pertua, di semua negeri di Tanah Melayu ini—di Johor, di Perak dan lain-lain negeri yang ada tanah yang luas dan sesuai untuk menternak lembu ini. Dan juga beberapa orang expert bukan sahaja dari Jepun, Australia bahkan daripada Argentina telah datang ke sini dan membuat blue print dengan perbelanjaan yang beratus ribu ringgit untuk menyelidik hasil dan tanah tempat yang tidak patut diadakan ternakan.

Blue print itu telah dihantar kepada Kerajaan Negeri, Kerajaan Negeri simpan blue print itu dan berniat hendak membuat sendiri kononnya. Apabila membuatnya dengan sendiri, dengan tidak cukup pegawai, tidak cukup cowboy di sini, jadi berjalanlah seperti apa yang ada sekarang ini. Apa yang didapati di setengah-setengah negeri, Tuan Yang di-Pertua, setengah-setengah baka bapa lembu datang daripada Barat hendak dikahwinkan dengan lembu daripada Sumatra. Kalau kita tengok orang Sumatra ini adalah serupa bentuk badannya dengan kita ini kecil. Kalau kita tengoklah orang Barat katalah orang Amerika besar badannya barangkali dua kali badan saya. Begitu juga lembunya besar. Jadi bagaimana tahan lembu-lembu daripada Sumatra hendak dikahwinkan dengan lembu-lembu dari Barat?. Saya dengar rancangan di Tanjung Malim pun gagal kerana baka bapa lembu adalah besar dan beratnya beratus paun. Tetapi lembu betina bila hendak dikahwinkan kerana hendakkan benih, pengsan dan jatuh tertiarap (*Ketawa*). Di manakah salahnya, betul atau tidak betul biarlah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawabnya perkara ini. Bagaimanakah cita-cita Kementerian ini hendak mengeluarkan banyak daging. Bahkan sekarang ini kita hendak gantikan kononnya kita ambil baka lembu daripada Asia yang kecil-kecil itu. Jadi, janganlah sangat kita hendak kaya dengan mengambil di Barat, tinggalkan Timur, kalau Timur sama Timur, Barat sama Barat. Jadi, kemajuan perbadanan ini akan gagal. Saya percaya dengan adanya Rang Undang-undang ini membolehkan bekerjasama dengan syarikat-syarikat lain iaitu syarikat lain itu saya percaya maksudnya datang daripada luar negeri supaya menanam modal dan membawa technical know-how kepada negara kita ini. Janganlah kita tengok dalam TV senang sahaja lembu ini diternak, dibiakkan dan dapat keuntungan yang besar.

Seperti apa yang dikatakan oleh saudara saya Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik bin Ishak tadi iaitu di Jepun itu betul. Saya sendiri telah tengok, lembunya dibesarkan, dikandang diberi makan bukannya beer sahaja bahkan whisky, brandy. (*Ketawa*). Sebab ini membuatkan lembu-lembu itu gemuk dan dagingnya lembut. Itulah yang kita dapat Yokohama steak, Yokohama chop bukan dari Kobe sahaja. Cara yang kita hendak buat di sini bukanlah cara yang terlampau mahal jadi kosnya keluar tentu

banyak. Tetapi kalau kita hendak mendapatkan tujuan-tujuan ini, saya ulangkan balik, mahulah Kerajaan Negeri liberal sedikit. Tengoklah blue print orang itu, kaji dan siasat, jangan pihak Exco menimbang, Ahli Exco ini serupa macam kita juga, no technical know-how. Hantar kepada pejabat-pejabat yang berkenaan. Jikalau tidak boleh, hantar kepada Kementerian, jika Kementerian tidak boleh, hantarkan kepada FAO untuk mendapat pandangan.

Sekarang ini dengan adanya Undang-undang ini satu soal yang saya sebutkan tadi iaitu soal tanah. Jikalau tidak ada tanah mengharapkan hendak buat rancangan besar-besar di kawasan luar bandar, iaitu semua orang memelihara lembu dalam satu kandang makanlah rumput Malaysia yang penuh dengan lalang, saya ingat lembu ini akan kurus lagi, tidak keluar langsung susunya. Jadi kenalah cari tanah di kawasan yang tinggi seperti tanah di Cameron Highlands. Perusahaan ternakan lembu di tanah Cameron Highlands dengan private sector adalah lebih baik daripada perbadanan yang telah diusahakan oleh Kerajaan Negeri. Mereka ada technical know-how, mereka tahu cara-cara membeli lembu. Janganlah kita membeli lembu memikirkan lembu daripada Amerika lebih baik daripada Australia dan baik daripada lembu New Zealand. Mengapa kita hendak pergi ke Amerika, oleh sebab kita sudah terpengaruh di dalam talivisyen. Cerita cowboy ini semuanya datang daripada Amerika, dia tidak sebut datang daripada New Zealand, daripada Australia. Dengan kita terpengaruh itu, kita terpaksa beli bapa lembu yang mahal harganya sampai \$60,000 satu ekor. Bila kita hendak kacukkan bapa lembu itu, ibu lembu kita tidak tahan, malah ada yang tidak boleh dikacukkan langsung. Bila sudah tidak boleh dikacukkan, kata pegawai berkenaan itu terpaksa buat lembu tiruan. Ada satu cara buat lembu tiruan ini iaitu buat rupa lembu tetapi bukan lembu, macam kita buat rumah tetapi bentuk lembu, kepalanya lembu, ekornya lembu, badannya seperti kata Senator Raja Datuk Nong Chik hendak buat punggungnya besar, jadi kena buat punggung besar. Bila bapa lembu ini datang nafsunya diapun terkam kepada benda itu. Bila dia terkam, kita tadah benih bakanya yang sedang keluar itu. Daripada benih baka itu kita injek kepada ibu lembu itu, jadi ibu lembu itu beranak dengan tidak ada bapa lembu. Benih bakanya ini tak expensive.

Usaha yang seperti ini kita buat di sini seperti di Argentina dan di Jepun pun ada buat. Barangkali kita baru dengar ayam tidak ada bapa tetapi dia mengeluarkan telur. Inipun satu cara dengan menggunakan injeksyen. Cara seperti ini boleh juga dibuat. Itulah satu masaalah yang dapat sekarang ini dibaiki pembelian bapa-bapa lembu daripada Amerika.

Lagi satu perkara yang saya rasa cemas sedikit jikalau tidak ditegur tetapi perkara ini janganlah Senator wanita marah kepada saya, kerana tidak ada perkataan lain yang hendak saya keluarkan, hanya perkataan ini dalam dictionary saya. Jadi terpaksa saya mengeluarkan perkataan yang senang saya hendak cakapkan. Dalam pada kita hendak membayangkan pengeluaran susu supaya kita adakan banyak susu, kita dapati sungguh pun kita ada beli susu tempatan dijual di dalam pasaran di sini tetapi susunya bukanlah susu tetapi susu campur. Saya ingat 30-40% sahaja susu, yang lainnya ialah air. Jikalau kejadian ini berlaku ini akan merosakkan kesihatan kanak-kanak yang minum susu. Jikalau kita tidak berhati-hati berkenaan dengan perkara ini seperti yang terdapat dijual di Supermarket iaitu Nestle milk dalam kotak, setelah dibancuh, dijual kepada orang ramai.

Ada seorang wanita mengatakan elok, kita boleh keluarkan banyak minyak sapi daripadanya. Minyak sapi sekarang, Tuan Yang di-Pertua, bukannya datang daripada susu lembu, bukannya daripada lemak lembu. Minyak sapi sekarang dinamakan Vanaspati. Vanaspati ini ialah serupa macam ghee tetapi datang daripada mana? Daripada minyak kelapa sawit. Vanaspati ini baunya, rasanya serupa dengan ghee, sebab ghee itu dimasukkan flavour ghee sahaja. Jikalau orang India hendak kuat baunya beri kuat flavour. Jikalau orang Melayu hendak kurang flavournya, dia beri flavour kurang. Jikalau orang Arab hendak flavour lagi kuat, diberinya flavour Arab. Macam kita makan ais-krim durian, bukan itu ais-krimnya tetapi flavour sahaja. Ais-krim itu serupa sahaja, cuma flavour sahaja yang lebih. Sekarang Vanaspati yang kita keluarkan sudah termasyhur di seluruh dunia. Yang termasyhur sekali ialah di India. The main importers ialah datangnya daripada India, sebab India suka Vanaspati dan ghee ini. Bukanlah saya hendak mengkritik. Apa yang perlu Kerajaan kita buat

sekarang ialah dengan adanya Undang-undang ini akan menjimatkan foreign exchange berjuta-juta ringgit ini tidak keluar diadakan perusahaan di dalam negeri supaya kita boleh buat Vanaspati, kita boleh buat ghee daripada ternakan keluaran susu-daging ini. Dan ada negeri yang mengeluarkan ghee yang bermutu dengan susu lembu iaitu Australia yang 100% genuine ghee, negeri lain tidak ada, tambahan Malaysia kita sudahpun mengeluarkan Vanaspati yang orang kata ghee tetapi ini Vanaspati. Jadi, dengan adanya ini, saya percaya jikalau kita dapat technical know-how daripada orang yang kita akan jemput masuk bersama dalam membuka syarikat dalam perbadanan untuk menjadikan syarikat, maka kita boleh mendapat banyak lagi idea di dalam perusahaan ini, tidak payah 100% ghee, tidak payah 100% susu, kita gunakan 80% susu boleh juga kita buat ghee pada masa yang akan datang ini.

Saya berharap janganlah Bil ini jadi Bil sahaja tetapi saya berharap juga kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan hendaklah mendapat liberal policy daripada Kerajaan Negeri supaya soal tanah ini adalah soal yang susah yang kita hadapi sekarang berkenaan bukan perusahaan ini sahaja, apa juga perusahaan yang kita hendak jalankan mengikut Rancangan Malaysia Ketiga oleh sebab jikalau tidak ada tanah yang sesuai untuk satu-satu perusahaan semuanya menjadi kata-kata manis sahaja. Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

6.01 ptg.

Tuan V. V. Aboo: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Perusahaan Haiwan Negara (Pindaan), 1976. Bagi pandangan dalam kegiatan MAJUTERNAK ini, saya ingin menyetujui satu dua perkara yang mustahak. Pertamanya ialah perkara memelihara ternakan dalam ladang-ladang di merata negara kita. Apakah galakan yang diberi oleh MAJUTERNAK kepada pekerja-pekerja ladang untuk memelihara kambing dan lembu.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini banyak pengurus ladang-ladang tidak membenarkan pekerja-pekerja memelihara apa-apa ternakan walaupun Undang-undang Buruh mengatakan majikan mesti memberi kemudahan tanah untuk usaha-usaha ini.

Walau bagaimanapun di ladang-ladang yang memang membenarkan saya berharap MAJUTERNAK dapat memberi bantuan dan nasihat dalam kemajuan ternakan.

Ladang-ladang adalah tempat-tempat yang sangat sesuai untuk menternak lembu dan kambing dan keluarga-keluarga pekerja sangat tertarik dan mempunyai minat dalam bidang ini. Bantuan kepada mereka dengan pemberian anak-anak lembu dari baka yang baik akan dapat menambah pembekalan susu dan daging kepada negara kita.

Keduanya, adalah perkara ternakan lembu di kampung-kampung dan di rancangan-rancangan pembangunan tanah. Bolehlah dikatakan bahawa orang-orang kampung di rancangan tanah belum lagi dapat menikmati hasil yang penuh daripada kegiatan MAJUTERNAK. MAJUTERNAK mestilah bekerja rapat dengan MARDI di sini untuk ternakan yang tetap. Dengan adanya works products yang agak banyak khasnya daripada kilang-kilang kelapa sawit masa depan untuk menggunakan works ini adalah cemerlang. Kekurangan harga barang-barang makanan untuk ternakan adalah satu cara yang terbaik sekali untuk membaiki dan membesarkan lagi perusahaan menternak kerana menjadi tulang belakang kepada negara. Juga orang-orang kampung mestilah diberi galakan untuk menternak lembu untuk susu dan daging. Orang-orang Melayu jarang mempunyai minat untuk lembu susu. Oleh itu pihak Kerajaan haruslah memberi penerangan dan galakan kepada penduduk-penduduk kampung berhubung dengan perkara ini.

6.05 ptg.

Datuk V. Ponnusamy Pillai: Tuan Yang di-Pertua, sambil menyokong Rang Undang-undang ini, saya ingin mengemukakan beberapa cadangan kepada Kementerian yang berkenaan mengenai perusahaan berasaskan ternakan di dalam negara kita ini.

Rancangan-rancangan telah dibentangkan dengan baiknya untuk menubuhkan ladang-ladang, kampung-kampung dan kampung-kampung baru ternakan di beberapa tempat di negeri ini. Di samping bertujuan meningkatkan maju ekonomi negara kita secara menyelamatkan dalam pertukaran asing dari segi mengimpor susu, daging mentah dan barang-barang berkaitan. Ini juga akan mengurangkan semangat orang kampung daripada berternak secara kecil.

Saya masih ingat iaitu terdapat beberapa kampung di mana rakyat telah diberi oleh Kerajaan dengan lembu-lembu dari baka baik bagi menolong meningkatkan bilangan ternakan kita. Tetapi sekarang ini saya lihat rancangan ini mungkin telah dihentikan atau didapati tidak ekonomik untuk diteruskan. Saya memohon kepada Kementerian ini untuk menimbangkan semula sekiranya membahagikan ternakan ini seperti kerbau, lembu, kambing kepada rakyat yang benar-benar memerlukan pertolongan dalam segi ini. Ini seterusnya akan menggalakkan lahirnya perusahaan-perusahaan kecil yang akan dapat membentuk hasil ekonomi yang tinggi bukan sahaja kepada si penternak akan tetapi juga kepada negara pada keseluruhannya.

Sambil menyentuh perkara ternakan binatang ini, saya berasa dukacita untuk menyatakan di sini bahawa terdapat perkhidmatan veterinary ataupun perkhidmatan yang disumbangkan oleh Jabatan Haiwan buat masa ini adalah tidak mencapai taraf yang tinggi ataupun standard. Kerajaan sepatutnya hendaklah menubuhkan beberapa banyak hospital haiwan di beberapa kawasan bandar-bandar yang tertentu di mana boleh memberi kemudahan kepada rakyat kita mendapatkan pemeriksaan dan layanan untuk binatang-binatang yang sakit dan juga mendapatkan nasihat bagaimana hendak memelihara ternakan mereka dengan sihatnya.

Kebanyakan penuntut-penuntut kita yang muda sekarang ini mestilah digalakkan untuk mengambil kursus veterinary science supaya dapat menampung kekurangan veterinary surgeons yang berkecukupan di-negara kita. Tuhan telah memberi kawasan hijau di seluruh bumi negara kita dan marilah kita mengambil kesempatan untuk membuat sesuatu yang baik daripadanya. Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya beri satu contoh, Mahatma Gandhi pernah berkata iaitu jika setiap rumah mempunyai lembu, maka tidak akan terdapat kekurangan makanan. Baja untuk tanaman daripada tahi lembu yang telah dibakar adalah sangat-sangat berguna untuk kesuburan kebun kita pada sepanjang masa.

6.10 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun memberi

sokongan yang penuh kepada Rang Undang-undang (Pindaan) yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan.

Saya cuma hendak mengambil masa kira-kira 10 minit sahaja peluang ini kerana Timbalan Menteri akan menjawab selepas saya bercakap. Pertama sekali kita mesti menuju kehendak Rang Undang-undang ini iaitu hasrat Kerajaan hendak membanyakkan daging dan susu dalam negeri ini. Dengan keadaan membanyakkan daging itu Kerajaan telah mengatur satu rancangan MAJUTERNAK yang telah ada beberapa kawasan dalam tanahair kita. Menurut perhatian saya bahawa MAJUTERNAK telah dilancarkan oleh Kerajaan sekarang adalah baik dan memberi puas hati kepada orang yang ada minat berhubung dengan ternakan cara moden, walaupun sedikit sebanyak terdapat kesalahan dan kesilapan masaalah begitu sebagai permulaan tidaklah sunyi akan terjumpa, tetapi saya nampak bahawa Kementerian ini bersusah payah mencari ikhtiar pada membaiki dari semasa ke semasa. Yang ia sedar bahawa MAJUTERNAK itu dimonopoli oleh Kementerian ini sahaja. Jadi dengan ini dibawa Rang Undang-undang ini supaya di masa akan datang bolehlah pihak swasta, pihak ahli peladang supaya membuat satu syarikat samada bersyarikat dengan MAJUTERNAK ataupun MAJUTERNAK boleh mengarahkan kepada mereka membuat satu perusahaan ternakan dalam kawalan yang dibuat oleh Kementerian ini.

Dalam masalah tanah, pada pandangan saya di negeri Johor tidak begitu sukar, sebab sebelum perang dahulu salah seorang anak raja di Johor telah berminat dalam hal penghidupan ternak itu dan telah membuatkan satu kawasan ternakan di seluruh negeri Johor, saya kira kurang daripada 10 atau 15 kawasan tanah yang dibuat untuk kawasan ternakan sekurang-kurangnya 500 ekar sehingga 2,000 ekar. Jadi dengan ada kawasan-kawasan ini tertinggal dan Rang Undang-undang ini kalau boleh dibuat kuatkuasanya kelak, diberi peluang kepada peladang-peladang kita yang ada minat dalam bahagian ternakan ini, sebab ternakan ini adalah tradisi orang Melayu dan juga orang Asia, di rumah mereka mesti ada lembu, kerbau, kambing dan ayam itek. Itu tradisi orang Asia. Pada masa sekarang kita hendak membela ternakan secara moden.

Kerbau mereka itu boleh ditempatkan dalam kawasan yang telah saya katakan tadi dengan cara bersyarikat dan dengan nasihat oleh pegawai-pegawai berkenaan itu. Dengan keadaan demikian bahawa penduduk luar bandar khususnya di Johor akan berupa maju dalam bahagian ternakan secara moden ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam negeri Johor tidak kurang kawasan tanah yang sesuai bagi kawasan ternakan. Saya mengalu-alukan kalau ada swasta daripada luar negeri yang hendak merancangkan ternakan secara besar-besaran bersama dengan MAJUTERNAK yang ada ini. Sebab dalam keadaan ini bahawa bukan sahaja kita dapat daging dan juga susu lebih banyak tetapi dengan cara tak langsung penduduk luar bandar dapat kerja dengan gerakan Lembaga ini. Ini satu harapan kita untuk memberikan perubahan dalam bidang ternakan ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang telah disebut oleh Menteri berkenaan tadi berhubung dengan lain-lain perusahaan boleh juga diberi peluang kepada syarikat ini melalui peruntukan Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita ini. Pertama sekali di kawasan-kawasan yang boleh mengeluarkan rumput-rumput bahan makanan binatang, sebab binatang-binatang ini bukan hanya hidup dengan rumput yang asli yang ada itu. Kita kena jadikan satu kawasan kerana menanam rumput untuk bahan makanan binatang-binatang ini. Kawasan ini kita boleh dapati dengan Kerajaan Negeri dan kerja membuatnya kenalah dinasihatkan oleh Jabatan Haiwan dan juga Jabatan Pertanian, kerana rumput-rumput yang kita akan tanam untuk makanan ternakan itu memang sesuai dalam tanahair kita. Tambahan pula satu perkara di Johor ada kawasan ladang nenas yang luas sama juga dengan Selangor. Saya mengharap sisa-sisa nenas itu jangan dibuang. Kita ada pakar-pakar MARDI, kita cuba buat penyelidikan bahawa sisa-sisa nenas itu kita jadikan bahan makanan ternakan yang kita rancang ini. Mudah-mudahan dengan keadaan ini bahan makanan ini bukan sahaja daripada rumput bahkan daripada sisa-sisa nenas yang terbuang itu boleh menjadi makanan binatang itu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyatakan dalam perusahaan baja iaitu najis-najis binatang

itu seperti najis ayam, kambing, lembu, kerbau dan sebagainya, jangan dibuang dan kita ada pakar-pakar untuk memproses najis-najis untuk dijadikan baja untuk kegunaan petani-petani. Jadi dengan ada langkah-langkah macam itu kita cermatkan hatta najis-najis binatang itu kalau kita cermat akan memberi menafaat kepada petani-petani dan pada negara kita dan kita tidaklah berkehendakkan baja yang lain yang diimpot ke dalam negara ini.

Saya suka juga memberikan terima kasih dan tahniah kepada Kementerian ini bahawa satu kawasan MAJUTERNAK akan dibuat dalam negeri Johor selain dari Kluang ada kawasan di Chaah dan satu lagi akan dibuat di Jasin. Ini usaha yang sangat baik, sebab kawasan-kawasan itu sangat sesuai kerana Jasin dekat dengan Gunung Ledang dan juga Chaah dekat dengan gunung. Jadi iklim tempat itu sejuk memang sesuai lembu-lembu dipelihara di situ. Tetapi satu perkara yang saya hendak soalkan dalam Kementerian ini, kenapa MAJUTERNAK ini hendak majukan ternakan lembu, tak bolehkah dipelihara kerbau, sebab kerbau itu satu binatang yang telah sehati dengan kehidupan rakyat Malaysia ini. Kalau boleh MAJUTERNAK itu buat rancangan memelihara kerbau balau atau macam-macam kerbau yang ada dalam tanahair kita yang sesuai dengan iklim tempatan. Dengan cara macam ini kita boleh juga menambah bekalan daging dalam tanahair kita.

Selain daripada itu saya hendak membuat bantahan kepada Menteri berkenaan kenapa selama ini kita hanya mengambil baka lembu daripada Australia dan New Zealand. Kenapa kita tak ambil lembu daripada Indonesia, baka lembu Bali itu lebih gemuk dagingnya dan sesuai hidup di tanahair kita ini. Kalau tak boleh ambil lembu Bali, kenapa kita tak ambil lembu dari India. Ini semua lembu-lembu yang sesuai dengan tanahair kita. Kenapakah selama ini kita agungkan lembu Australia dan New Zealand. Apakah ada udang di sebalik batu dengan pengambilan lembu Australia dan New Zealand itu. Saya minta maaf atas bantahan ini tetapi pandangan ini saya sebagai Senator adalah mustahak. Patutlah kita utamakan bahan-bahan dari kawasan Asia sendiri daripada New Zealand dan kedudukan geografinya bukan masuk dalam gagasan Asean.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, kalau ada rancangan MAJUTERNAK itu, rancangan pawah jangan diberhentikan. Saya dapat tahu Kementerian ini telah memberhentikan rancangan pawah. Ini telah dikatakan oleh peladang-peladang kita bahawa rancangan pawah telah diberhentikan oleh Kementerian Pertanian. Cuma yang ada berjalan sekarang ternakan di tiap-tiap negeri sahaja. Kalau betul demikian, masalah ini kena dikaji balik dan rancangan pawah ini sangat memberi faedah untuk memberikan ternakan kepada peladang-peladang.

6.20 ptg.

Puan Dasimah Dasir: Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong Rang Undang-undang yang dibawa oleh Timbalan Menteri Pertanian dan saya ucapkan terima kasih yang mana telah dibentangkan Rang Undang-undang ini. Tetapi saya suka menarik perhatian, kalau membuat ternakan itu janganlah sebagaimana yang telah lalu yang telah diberikan kepada negeri-negeri. Sahabat-sahabat saya juga telah menyatakan banyak lembu-lembu yang tak boleh dimakan atau dijual dalam segala lapangan. Saya berharap kepada Kementerian ini, umpamanya sudah banyak kita ternak tetapi apa yang mendukacitakan kita orang kampung kalau mereka melepaskan lembu atau kambing, kena tangkap lembu itu, tetapi tidak bayar sehingga diberi makan sehari boleh dikatakan \$3 atau \$2, mereka tidak dapat mengambil lembu-lembu itu bila dilelong. Ini juga hendaklah diambil perhatian.

Apa sebabnya saya bangkitkan begitu, kerana saya walaupun Majlis ini majlis yang mulia, majlis yang berbahagia, Saudara Datuk Hussein tadi menyatakan jangan marah Ahli-ahli wanita yang ada di sini, tetapi apakah perasaan diri kami, rasa tidak begitu senang, pedehnya telinga kami. Sebab tak payah Datuk bercakap semua muda dan tua tahu apakah lembu itu hendak buat, apakah kesudahannya. Jadi saya berharap janganlah, tolonglah perkara-perkara yang tak mustahak itu, ada cakap-cakap lain yang boleh dikeluarkan. Walaupun gelak ketawa, tetapi kami rasa pedih. Tidak, jangan marah, tak jadi main belon, rasa tersinggung juga perasaan. Sebab disebutkan lembu betina, kalau kata lembu sahaja tak apa. Pengan tak pengan, adakah Datuk ini pergi melihatnya. Adalah

diharapkan moga-moga rakan-rakan saya yang ada di sini cakap-cakap yang akan dikeluarkan itu hendaklah disesuaikan dengan Majlis yang berbahagia dan mulia ini. Harap maaf, terima kasih.

6.23 ptg.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah memberi pandangan di atas Rang Undang-undang yang telah saya kemukakan pada petang ini.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum pada masa ini Kementerian saya sedang berusaha mengembangkan dan menggalakkan perusahan menternak secara besar-besaran terutama perusahan menternak lembu selaras dengan dasar hendak mengeluarkan bahan-bahan makanan yang cukup untuk keperluan negara dan pendapatan yang berpatutan kepada petani-petani dan seluruh rakyat. Matlamat itu ialah untuk mengeluarkan daging lembu yang cukup atau hampir cukup keperluan negara dan 20% keperluan susu di dalam tahun 1990. Berdasarkan kepada keperluan daging lembu di dalam tahun 1985 sejumlah 85 juta paun atau 120,000 ekor lembu yang disembeleh berbanding dengan 32 juta paun ataupun 100,000 ekor lembu yang disembeleh pada masa ini. Bermaknalah kita perlu menambah lagi 80,000 ekor lembu untuk di sembeleh menjelang tahun 1985 itu. Perbelanjaan untuk mengadakan 80,000 ekor lembu tambahan untuk disembeleh menjelang tahun 1985 itu adalah dianggarkan berjumlah \$270.4 juta. Daripada jumlah itu \$169.6 juta mestilah dibelanjakan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga dan bakinya sejumlah \$100.8 juta di dalam Rancangan Malaysia Keempat. Begitu juga perbelanjaan yang akan dikehendaki bagi mengeluarkan susu pada perengkat 20% keperluan negara menjelang tahun 1990 adalah memerlukan peruntukan yang besar juga. Usaha ke arah mencapai matlamat itu adapun mula dijalankan di bawah Rancangan Malaysia Kedua oleh MAJUTERNAK dengan membuka 7 buah ladang ternakan dengan jumlah seluas 16,900 ekar dan 11,700 lembu yang diternak di Semenanjung dan Sarawak. Sementara Bahagian Perkhidmatan Haiwan pula sedang menggalakkan penternakan lembu susu di kalangan penternak-penternak kecil dan cara menjual lembu-lembu susu baka baik kepada harga susu

kepada penternak-penternak itu. Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga rancangan-rancangan yang telah dimulakan itu akan terus dijalankan oleh kedua-dua agensi ini.

Bagi menjawab pandangan-pandangan daripada Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik berkenaan dengan pemberian lembu kecil, kerdil, badan kurus, kaki pendek dan ini adalah di bawah rancangan pawah. Sebenarnya rancangan ini adalah dikeluarkan oleh Jabatan Haiwan bukan dikeluarkan oleh Jabatan MAJUTERNAK. Tetapi walau bagaimanapun yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu boleh jadi ada juga terjadi tetapi sedikit yang banyaknya gemok. Cuma malangnya sedikit Ahli Yang Berhormat terjumpa kepada lembu yang kurus, yang pendek, yang kecil. Tetapi walau bagaimanapun lembu kalau sekiranya tidak dijaga pemeliharaannya dengan sempurna maka badan yang gemuk akan menjadi kurus.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soalan lembu tidak sesuai, ini memang benar pendapat Ahli Yang Berhormat. Lembu daripada luar negeri untuk mengeluarkan anak untuk diternak di sini memang tidak sesuai dengan keadaan suasana negara kita. Oleh kerana itu, kita perlu kahwinkan lembu-lembu di sini dan apabila mendapat anak baharulah dapat disesuaikan dengan keadaan iklim yang ada di dalam negeri ini. Lembu perlu dimajukan dengan sokongan yang kuat daripada Ahli Yang Berhormat, saya ucapkan terima kasih memang negara kita masih banyak lagi kekurangan pengeluaran susu.

Kepada Yang Berhormat Tuan Ibrahim Yaacob yang telah memberi sokongan kepada Rang Undang-undang ini saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan beliau sendiri mempunyai minat yang begitu kuat bagi mengadakan projek yang serupa ini. Saya iringi dengan doa restu mudah-mudahan Allah akan memberi keizinan.

Kepada Yang Berhormat Puan Zawiah yang telah memberi banyak pandangan di sini berkenaan ternak kerbau dan kambing biri-biri. Ini akan ditimbang oleh pihak Kementerian saya. Berkenaan minyak sapi dibuat daripada susu lembu. Ini didapati adalah lebih murah kalau dibuat daripada minyak kelapa sawit. Begitu juga lebih mahal jika dibuat daripada susu lembu.

Berkenaan dengan pandangan Yang Berhormat Puan Hajjah Salmah supaya dibuat secara besar-besaran lebih ekonomik saya ucapkan terima kasih, memang itulah tujuannya supaya kita akan adakan syarikat-syarikat supaya mereka dapat menternak secara besar-besaran dan dapat memberi keuntungan kepada si penternak yang akan menjalankan rancangan ini.

Pandangan Datuk Seri Hussein Noordin dalam Rang Undang-undang ini kalau dijalankan supaya dapat difikirkan bagaimana lembu-lembu daripada luar negeri untuk dikahwinkan daripada lembu yang ada dalam negeri ini. Saya minta maaf kepada Ahli-ahli Yang Berhormat wanita, saya terpaksa memberi jawapan sebab perkara ini mustahak supaya jangan mengalirkan Dewan ini. Sebenarnya Kementerian

saya telahpun menjalankan rancangan apa yang dikatakan Rancangan Peranian Beradas. Jadi tidak perlu lembu itu sendiri dikahwinkan dengan lembu betina, kita melalui peranian beradas ini pun telah berjaya dan kita dapat mengeluarkan banyak lembu-lembu yang baik dan dalam negeri kita. Dan ini telah banyak diberi kepada rakyat untuk rancangan pawah dan mendapat hasil yang baik.....

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Masa sudah cukup. Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh menyambong pada hari esok. Dewan ditangguhkan hingga pukul 2.30 petang esok, Jumaat, 7hb. Januari, 1977.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.